

## Komentar 6

# Mengomentarkan Parti Komunis China Membinasakan Kebudayaan Bangsa

### Pendahuluan

Kebudayaan adalah merupakan jiwa suatu bangsa, adalah merupakan unsur kerohanian yang sama pentingnya dengan unsur-unsur material seperti ras keturunan dan tanah.

Sejarah peradaban sesuatu bangsa adalah merupakan sejarah perkembangan kebudayaan bangsa tersebut, kemusnahan secara menyeluruh atas budaya bangsa menandakan hilangnya suatu bangsa. Bangsa-bangsa kuno yang telah menciptakan peradaban yang agung dan gemilang dalam sejarah umat manusia, mungkin ras mereka masih tetap wujud, namun bangsa mereka telah lenyap seiring lenyapnya kebudayaan tradisional mereka, seperti kini orang tidak akan menyamai penduduk asal benua Amerika Selatan dan Tengah dengan bangsa kuno Maya. Dan China sebagai satu-satunya negara di dunia yang telah mewarisi tamadun dan peradaban kuno secara berkelanjutan selama 5000 tahun, maka perosakan dan pembinasakan terhadap kebudayaannya lebih-lebih lagi merupakan sejenis perbuatan dosa yang amat besar.

“Pan Gu menciptakan langit dan bumi” [1], “Nuwa menciptakan manusia” [2], “Shen Nong merasakan beraneka tumbuhan herba untuk dijadikan ubat” [3], “Cangjie menciptakan huruf tulisan Cina” [4], semua ini telah mengukuhkan awal mula warisan kebudayaan yang diturunkan oleh dewa. “Manusia mengikuti bumi, bumi mengikuti langit, langit mengikuti Tao, Tao mengikuti alam semulajadi” [5], konsep doktrin aliran Tao yang menegaskan penyatuan langit dan manusia telah meresap ke dalam nadi darah kebudayaan Cina. “Inti Pelajaran Tinggi (Da Xue), adalah mengutamakan kepada penyemaian akhlak dan amalan mulia” [6], Confucius yang pada dua ribu tahun yang lalu mendirikan pusat pendidikan untuk mengajar pelajar-pelajarnya, menyebarkan konsep “kemuliaan, etika, kesopanan, kebijaksanaan, kepercayaan” yang mewakili doktrin aliran Confucius kepada masyarakat. Pada abad pertama, Buddhisme Sakyamuni yang berupa “penyelamatan dan belas kasih” disebarkan ke Timur, telah memperkaya lagi kebudayaan Cina. Doktrin Confucius, Buddha dan Tao, tiga aliran ini saling beradun dan menyatu, menciptakan masa kegemilangannya dalam Dinasti Tang (618-907 M) yang sebagai goresan sejarah di dunia.

Meskipun kebudayaan bangsa Cina pernah mengalami banyak sekali perosakan dan pukulan dalam sejarah, kebudayaan tradisional Cina sentiasa mempamerkan daya pelepasan dan ketahanan serta daya stamina yang amat besar, inti-sarinya tetap diwariskan turun-temurun. “Langit dan manusia menyatu” mewakili pandangan nenek moyang bangsa Cina terhadap alam semesta. “Perbuatan baik dan jahat pasti ada balasannya” merupakan pengetahuan umum dalam masyarakat. “Sesuatu yang diri sendiri tidak mengkehendaki, janganlah dilakukan kepada orang lain” adalah merupakan dasar amalan mulia sebagai seorang manusia. “Taat setia, berbakti, berbudi luhur, beretika” ialah standard tingkah laku bagi seseorang menjalani kehidupan dalam masyarakat. “Kemuliaan, etika, kesopanan, kebijaksanaan, kepercayaan” dijadikan sebagai asas pembentukan moral yang mempiawaikan manusia dan masyarakat. Dengan prasyarat tersebut, kebudayaan Cina telah mempamerkan ciri-ciri khas baik seperti ketulusan, kemuliaan, keharmonian, toleransi dan lain-lain. Upacara pemujaan dan peringatan yang dilakukan oleh rakyat kebanyakan, mencerminkan inti pati kebudayaan yang berakar umbi dalam masyarakat, yang menunjukkan penghormatan terhadap Tuhan (langit dan bumi), kesetiaan terhadap negara, penekanan terhadap hubungan kekeluargaan, dan penghargaan terhadap sumbangan guru.

Kebudayaan tradisional Cina yang mencari titik keharmonian antara langit dan manusia, menitikberatkan penyempurnaan batin individu, dengan kepercayaan kultivasi daripada doktrin Confucianisme, Buddhisme, Taoisme sebagai akar, dapat bertoleransi dan dapat berkembang, dapat mempertahankan nilai moral manusia, dan dapat membuat manusia memiliki kepercayaan tulus.

Perbezaan antara pengekangan kebudayaan dengan pengekangan secara peraturan undang-undang yang tegas ialah, pengekangan kebudayaan adalah bersifat lembut. Peraturan undang-undang menitikberatkan penjatuhan hukuman setelah berbuat kesalahan, sedangkan nilai-nilai murni moral dalam kebudayaan berperanan untuk mencegah perbuatan kejahatan. Nilai-nilai moral dalam sesuatu masyarakat sentiasa tercermin secara konkrit melalui kebudayaannya.

Dalam sejarah China, semasa kebudayaan tradisional mencapai puncak kegemilangannya pada Dinasti Tang, kebetulannya juga merupakan masa puncak kegemilangan bagi kekuatan negara China. Sains China pada ketika itu menduduki tempat yang istimewa di dunia, dan pada masa itu benua Eropah, Timur Tengah, Jepun dan negara-negara lain juga mengutuskan orangnya untuk belajar di ibu kota Chang'an, dan negara jirannya juga menjadikan China sebagai negara induk, datang menghadap dan memberikan upeti. [7] Setelah Dinasti Qin (221-207 SM), China seringkali diduduki oleh kaum minoriti, termasuklah pada masa Dinasti Sui (581-618 M), Tang (618-907 M), Yuan (1271-1361 M) dan Qing (1644-1911 M), namun mereka hampir kesemuanya diasimilasikan oleh budaya Han (China asli). Ini tidak boleh dikatakan bukan disebabkan oleh kekuatan asimilasi yang amat besar dalam kebudayaan tradisional, seperti pepatah yang dikatakan oleh Confucius: "Jika orang daripada jauh tidak menuruti, maka semailah mereka dengan kebudayaan dan amalan mulia". [8]

Semenjak tahun 1949 PKC merampas kekuasaan, maka mulai mencurahkan seluruh kekuatan negara untuk merosakkan kebudayaan bangsa Cina. Ini secara mutlak bukan merupakan perbuatan bodoh yang dilakukan kerana timbulnya fanatisme kepada bidang perindustrian, atau keinginannya untuk mendekati diri kepada peradaban Barat, tetapi sebenarnya merupakan bentuk pemikiran ideologinya yang bertolak belakang dengan kebudayaan tradisional. Oleh sebab itu pemusnahan dan penghapusan kebudayaan yang dilakukan PKC sudah mempunyai organisasinya, terancang dan bersistematik, bahkan lagi menggunakan kekerasan daripada sokongan kekuatan negara. Sejak pendirian PKC hingga sekarang, "revolusi" PKC terhadap kebudayaan Cina tidak pernah berhenti, dan betul-betul telah "menghancurkan" kebudayaan Cina secara total.

Yang lebih parah lagi, PKC terus menyalahgunakan dan mengubah secara keji makna dalam kebudayaan tradisional. PKC mengambil perkara-perkara sejarah yang terjadi selepas berlakunya penyimpangan dalam kebudayaan tradisional, misalnya pergolakan keji dalam istana raja, konspirasi dalam meraih kekuasaan, pemerintahan secara kediktatoran, dan lain-lain, lalu terus "menperkembangkan" taktik-taktik jahatnya, dan kemudiannya menciptakan seperangkat teori dalam penilaian standard baik dan buruk, cara berfikir dan sistem bahasa mereka sendiri, serta juga mengelirukan orang umum supaya menganggap "kebudayaan parti" semacam inilah baru merupakan warisan kebudayaan tradisional, malahan menggunakan keloayaan masyarakat umum terhadap "kebudayaan parti" untuk lebih lanjut lagi membuat orang ramai meninggalkan kebudayaan tradisional Cina yang sebenar.

Ini telah membawa akibat malapetaka kepada China, bukan saja membuat hati manusia kehilangan pengekangan nilai-nilai moral, bahkan PKC secara paksa telah mengindoktrinasikan ajaran-ajaran sesatnya.

## **I. Mengapakah PKC Mahu Membinasakan Kebudayaan Tradisional Bangsa**

### **(i) Sejarah Kebudayaan Cina Amat Panjang, dengan Kepercayaan dan Nilai Murni Yang Dihormati**

Kebudayaan orang Cina yang sebenar dimulakan oleh Maharaja Huang sejak lima ribu tahun yang silam, oleh sebab itu Huang Di disebut sebagai “leluhur awal kebudayaan Cina”. Sesungguhnya Huang Di juga ialah pengasas bagi doktrin aliran Tao China, yang juga dipanggil aliran pemikiran Huang-Lao (Lao Zi). Doktrin Confucius amat terpengaruh dengan aliran Tao, seperti yang dikatakan Confucius, “Mengharapkan Tao, mengikuti amalan mulia, menuruti etika kemuliaan, dan mendalami kesenian” dan “Jika seseorang mendengar Tao pada pagi hari, maka dia boleh meninggal tanpa kesal pada hari petang”. [9] Kitab “Zhou-Yi” yang mencatatkan tentang langit dan bumi, Yin dan Yang, alam semesta, masyarakat dan hukum kehidupan manusia, disanjung alirannya sebagai “induk daripada beraneka jenis kitab”. Ilmu ramalan yang terdapat dalamnya bahkan ilmu sains moden juga sukar untuk memahaminya. Doktrin aliran Buddha, khususnya Zen Buddhisme, telah membawa pengaruh yang mendalam pada golongan cendekiawan.

Confucianisme adalah merupakan bahagian kebudayaan tradisional Cina yang memfokuskan kepada “hal-ehwal duniawi”, amat mengutamakan norma-norma hubungan kekeluargaan, antaranya ajaran “ketaatan kepada ibu bapa” telah menduduki tempat yang amat penting, dengan ungkapan “segala kemuliaan diawali dengan ketaatan”, Confucius menggalakkan “kemuliaan, etika, kesopanan, kebijaksanaan dan kepercayaan”, namun juga berkata, “Bukankah ketaatan dan persaudaraan itu akar kepada kemuliaan?”.

Norma-norma dan etika hubungan kekeluargaan dapat secara semulajadinya diperluaskan menjadi norma-norma dalam masyarakat. “Ketaatan” dapat dijulurkan ke atas menjadi “kesetiaan” pegawai terhadap maharaja, seperti pepatah yang berbunyi, “Adalah jarang bagi seseorang dengan sifat ketaatan dan persaudaraan akan cenderung untuk bertindak kasar.” [10] Persaudaraan ialah perhubungan antara rakan dan saudara, dan dapat diperluas menjadi sifat “etika dan setiakawan” sesama saudara. Aliran Confucius mengajarkan dalam sesebuah keluarga, ayah perlulah bersikap mulia, anak perlu taat dan berbakti, beretika sesama teman, dan menghormati sesama adik-beradik, antaranya sifat pengasih ayah dapat dijulurkan ke bawah sebagai “kemuliaan” maharaja terhadap pegawainya. Asalkan adat istiadat dalam rumpun keluarga dapat dipertahankan, maka norma-norma dalam masyarakat dengan sendirinya juga dapat dilestarikan, ini adalah merupakan prinsip “menyemai dan membina akhlak peribadi, mengendalikan dan menyempurnakan keluarga, memerintah negara dan menenteramkan dunia”. [11]

Buddhisme dan Taoisme adalah merupakan bahagian “yang keluar daripada hal-ehwal duniawi” dalam kebudayaan tradisional Cina. Pengaruh Buddhisme dan Taoisme terhadap kehidupan masyarakat umum boleh dikatakan tersebar di mana-mana sahaja. Ilmu-ilmu perubatan Cina kuno, qigong, Fengshui, amalan ramal-meramal adalah berasal daripada doktrin aliran Taoisme, bersama-sama dengan kepercayaan Buddhisme bahawa adanya syurga dan neraka, pembalasan karma atas perbuatan baik dan jahat, dan disertakan dengan norma-norma Confucianisme, telah membentuk inti pati kebudayaan tradisional Cina.

Kepercayaan kepada ketiga-tiga aliran Confucianisme, Buddhisme dan Taoisme telah membina seperangkat sistem nilai moral yang amat kukuh bagi orang-orang Cina, seperti disebutkan pepatah “langit tidak berubah, maka Tao tidak akan berubah”. [12] Seperangkat sistem nilai moral ini sesungguhnya adalah merupakan asas yang menjadi sandaran kepada masyarakat untuk tetap wujud, stabil dan harmoni.

Nilai-nilai moral yang tergolong dalam lingkungan rohaniah sering kali bersifat abstrak, manakala suatu fungsi yang penting dalam kebudayaan, adalah untuk menyampaikan kefahaman sistem nilai-nilai moral tersebut secara umum.

Dengan mengambil “Empat Karya Klasik Cina Agung” sebagai contoh, “Kisah Perjalanan Ke Barat” [13] sememangnya merupakan suatu cerita dongeng; “Impian Rumah Agama Merah” [14] dimulai dengan dialog antara manusia-manusia berkuasa sakti di suatu tebing curam gunung, dan dialog ini merupakan klu penting untuk menjelajahi seluruh novel tersebut; “Wira-wira Pinggir Air” [15] mengisahkan asal-usul 108 pendekar sakti gelap yang dilepaskan oleh Menteri Hong secara tidak sengaja; “Cerita Tiga Negara” [16] dimulai dengan amaran bencana alam, dan diakhiri dengan konsep penentuan takdir “peristiwa di dunia ini tidak pernah ada penghujungnya, apa yang ditakdirkan tidak akan dapat dihindarkan”. Kisah-kisah terkenal yang lain seperti “Roman Kesetiaan Zhou Timur” [17] dan “Kisah Yue Fei” [18] juga semuanya bermula dengan legenda yang agak sama.

Semua penggunaan unsur-unsur dongeng ini secara mutlaknya bukan merupakan suatu kebetulan semasa penulisnya mengarang, tetapi adalah merupakan pandangan dan falsafah asas golongan intelektual China terhadap alam semulajadi dan kehidupan manusia. Hasil karya kebudayaan mereka membawa pengaruh yang amat besar kepada generasi yang berikutnya. Shinggakan orang Cina sesekali membicarakan tentang “etika dan setiakawan”, yang terfikir bukan hanya berupa suatu konsep, tetapi merupakan pelbagai kisah dan tokoh yang berkaitan dengan hal ini. Seperti Guan-Yu (160-219 M), seorang tokoh dalam Kisah Tiga Negara yang menjunjung tinggi semangat setiakawan; bagaimana kesetiannya yang tidak berbelah bahagi kepada atasannya dan abang angkatnya Liu Bei mendapat penghormatan malahan daripada musuhnya; bagaimana keberaniannya mengharungi pelbagai situasi yang menakutkan, sehingga akhirnya terkandas dalam pertempuran di Bandar Mai bersama anaknya. Apabila bercakap tentang “kesetiaan”, dengan sendirinya akan terfikir tentang kisah Yue Fei yang setia kepada negara dengan sepenuh hati, serta Zhu Ge Liang (181-234 M) yang berbakti kepada negara dengan segenap jiwa raganya hingga akhir hayat dalam Kisah Tiga Negara, dan kisah lain-lain.

Pujian terhadap “kesetiaan” dalam nilai-nilai tradisional, melalui karya kaum intelektual yang berupa kisah-kisah yang menarik, dipamerkan secara nyata dan menyeluruh di depan para pembaca. Dengan demikian, ajaran nilai-nilai moral yang abstrak, melalui cara-cara kebudayaan, telah dibuat menjadi konkrit dan mempunyai bentuknya.

Aliran Taoisme menekankan “sejati”, Buddhisme menitikberatkan “belas kasih”, Confucianisme mementingkan “kesetiaan, pengampunan, kemuliaan dan etika”. “Walaupun bentuk luarnya berbeza, namun tujuan dalamnya adalah sama, tidak lain daripada mendorong manusia untuk kembali kepada kebaikan.” [19] Ini barulah merupakan tempat yang paling berharga dalam kebudayaan tradisional yang berakar umbi pada kepercayaan “Confucianisme, Buddhisme dan Taoisme”.

Dalam kebudayaan tradisional dipenuhi dengan unsur-unsur “Langit, Tao, Tuhan Dewa, Buddha, nasib, takdir, kemuliaan, etika, kesopanan, kebijaksanaan, kepercayaan, ketulusan, rasa tahu malu, kesetiaan, ketaatan dan berbakti, keluhuran jiwa” dan lain-lain. Banyak orang mungkin dalam seumur hidupnya buta huruf, namun mereka sangat akrab di telinga bahkan masak sekali dengan drama dan opera tradisional. Bentuk-bentuk kebudayaan yang sedemikianlah merupakan cara yang penting bagi kalangan rakyat untuk memperoleh nilai-nilai tradisional. Maka, perosakan PKC terhadap kebudayaan tradisional secara langsungnya adalah merupakan tindakan memusnahkan nilai moral China, juga menghancurkan asas kestabilan dan keamanan masyarakat.

## **(ii) Pertentangan antara Doktrin Sesat PKC dengan Kebudayaan Tradisional**

“Falsafah” PKC boleh dikatakan bercanggahan dengan kebudayaan tradisional Cina yang sebenar secara total. Kebudayaan tradisional menghormati dan menuruti mandat daripada langit, seperti anggapan Confucius bahawa “hidup dan mati adalah takdir, miskin dan kaya adalah ditentukan langit”. [20] Doktrin Buddhisme dan Taoisme adalah merupakan theisme yang berkepercayaan

Tuhan, percaya pada penjelmaan semula (reincarnation), perbuatan baik dan jahat pasti ada balasnya. Sebaliknya PKC bukan saja berpegang pada “atheisme” malahan “tidak mengenal hukum peraturan alam dan tidak mengenal langit”; Confucianisme mengutamakan konsep kekeluargaan, sedangkan dalam Manifesto Komunis dengan jelasnya menyatakan bahawa ingin “membasmi bentuk keluarga”; Kebudayaan tradisional “membezakan bangsa Cina dengan bangsa asing lain”, sedangkan Manifesto Komunis melaungkan “penghapusan bangsa”; Kebudayaan Confucianisme mengutamakan “kemuliaan dan kasih sayang kepada manusia”, manakala Parti Komunis menggalakkan pertarungan kelas; Confucianisme mengajarkan kesetiaan kepada raja dan cinta kepada negara, namun Manifesto Komunis mempelopori “penghapusan tanah air”.

Parti Komunis ingin merebut dan mengukuhkan kekuasaannya di China, maka harus terlebih dahulu membuat pemikirannya yang membinasakan nilai-nilai moral kemanusiaan itu dapat berpijak di muka bumi China, seperti yang dikatakan Mao Zedong: “Barang hendak menjatuhkan suatu kekuasaan, terlebih dahulu hendaklah melakukan propaganda untuk menjadi perbincangan umum, terlebih dahulu hendaklah melakukan kerja-kerja dalam bidang ideologi.” [21] PKC juga dapat melihat, sampah daripada doktrin Barat yang sepenuhnya disokong oleh pangkal senapang ini tidak akan mampu menandingi kebudayaan Cina yang luas lagi mendalam selama 5,000 tahun, maka “alag menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan”, lantaran menghancurkan secara total kebudayaan Cina, barulah “ideologi” Marxisme-Leninisme dapat masuk menduduki ruang megah di China.

### **(iii) Kebudayaan Tradisional Bangsa Merupakan Halangan bagi Kediktatoran PKC**

Mao Zedong pernah mengucapkan kata yang demikian, “Saya tidak mengenal hukum peraturan alam dan tidak mengenal langit” [22] Kewujudan budaya bangsa tidak dapat dinafikan adalah menjadi suatu halangan besar bagi PKC untuk memungkari Tao dan langit.

“Kesetiaan” yang terdapat dalam kebudayaan tradisional mutlakanya bukanlah merupakan “kesetiaan dungu dan buta tuli”. Dalam mata rakyat, maharaja ialah “anak langit”, di atasnya masih ada “langit”. Maharaja tidak selama-lamanya benar, maka perlu dibentuk pegawai-pegawai penasihat untuk menunjukkan kesalahan maharaja, pada masa yang sama sistem periwayatan sejarah di China membolehkan setiap perkataan dan perlakuan maharaja dibabatkan oleh ahli pencatat sejarah. Golongan pendeta dan sarjana boleh menjadi guru bagi maharaja, baik buruknya tindakan maharaja dinilai dengan kitab Confucianisme. Bahkan di saat maharaja bertindak sewenang-wenangnya dan tidak menuruti hukum peraturan Tao, rakyat jelata boleh bangkit untuk menjatuhkannya, seperti kes apabila Chengtang menyerang Jie, dan Raja Wu menjatuhkan Zhou. [23] Apabila dilihat daripada sudut pandang kebudayaan tradisional, ini bukan bererti tidak setia, dan bukan berupa pengkhianatan, sebaliknya adalah untuk menjalani peraturan Tao bagi pihak langit. Apabila Wen Tianxiang (1236-1283 AD) [24], seorang komander militer yang terkenal dalam Dinasti Song ditawan, dia tidak mahu menyerah kalah kepada penceroboh Mongolia walaupun maharaja juga memerintahnya untuk menyerah. Ini adalah disebabkan Confucianisme mengajarkan “rakyat di kedudukan terpenting, negara di kedudukan kedua, pemerintah di kedudukan kemudian”. [25]

Semua ini tidak dapat diterima oleh PKC yang bersifat diktator, kerana PKC ingin “mempertuhankan atau menperdeewakan tokoh utama mereka”, iaitu memujakan seseorang, tidak menginginkan di atas daripadanya masih ada lagi konsep “Langit”, “Tao”, “Tuhan” dan lain-lain yang berakar umbi dalam kebudayaan tradisional yang mengekang perbuatan mereka. PKC tahu tindak tanduk mereka jika dinilai dengan kriteria kebudayaan tradisional, semuanya adalah memungkari Langit dan mengkhianati jalan kebenaran Tao, dosanya amat besar. Asalkan kebudayaan tradisional masih wujud, rakyat tentu tidak mungkin menyanjung PKC dengan sebutan “agung, mulia dan benar”; kaum cendekiawan juga masih akan mempertahankan kriteria nilai-nilai “membahayakan nyawa untuk menegur maharaja”, “rela terkorban demi keadilan” [26], “rakyat di kedudukan terpenting dan pemerintah berada di

kedudukan yang kemudian”, maka rakyat tidak akan menjadi boneka yang akur, dan seluruh rakyat tidak akan dapat dipaksa PKC untuk “disatukan fikirannya”.

Rasa hormat dan segan terhadap langit, bumi dan alam semulajadi yang terdapat dalam kebudayaan tradisional, merupakan halangan bagi PKC untuk “mengubah langit dan bumi” dan “memerangi langit dan bumi”. Kebudayaan tradisional yang menekankan “situasi apa-apa pun yang melibatkan nyawa manusia harus dilihat dengan aspek yang terpenting sekali” yang berupa penghargaan terhadap jiwa nyawa, adalah merupakan halangan bagi PKC untuk menerapkan pemerintahan cara keganasan “pembunuhan beramai-ramai”. “Tao Langit” dalam kebudayaan tradisional barulah merupakan kriteria penilaian muktamad terhadap baik buruk dan nilai moral, dan ini sama dengan melucuti hak interpretasi PKC dalam soal yang berkaitan dengan nilai-nilai moral. Maka PKC menganggap kebudayaan tradisional sebagai halangan raksasa bagi mereka untuk mempertahankan kekuasaannya.

#### **(iv) Kebudayaan Tradisional Mencabar Keabsahan dan Legitimasi Pemerintahan PKC**

Dalam kebudayaan tradisional merangkumi “theisme” dan “takdir dan mandat Langit”. Dengan mengakui “takdir dan mandat Langit” maka pemerintah harus membuktikan bahawa diri sendiri ialah “pemerintah bijaksana yang berpegang pada jalan kebenaran Tao”, serta “mentadbir negara atas perintah Langit”. Jika mengakui “theisme”, maka harus mengakui “hak pemerintah adalah dianugerahkan oleh Tuhan”. Manakala teori pemerintahan kekuasaan PKC adalah “sejak mula lagi tidak ada penyelamat dunia, juga tidak mengharapkan Dewa atau maharaja, jika ingin menciptakan kebahagiaan umat manusia, sepenuhnya bergantung pada diri kita sendiri”. [27]

PKC mempropagandakan pandangan “sejarah materialisme”, mempropagandakan bahawa komunisme ialah “syurga di muka bumi”, dan jalan bagi menuju ke “syurga di muka bumi” itu adalah dengan bergantung kepada “barisan pelopor kelas proletariat”, iaitu kepimpinan Parti Komunis. Mengakui theisme bererti secara langsung mencabar keabsahan dan legitimasi pemerintahan PKC.

## **II. Bagaimana Parti Komunis Mensabotaj Kebudayaan Tradisional**

Segala-gala yang dilakukan PKC adalah demi kepentingan politiknya untuk meraih, mempertahankan dan mengukuhkan kekuasaan zalimnya. PKC perlu menggantikan sifat manusiawi dengan sifat parti yang jahat, menggantikan kebudayaan tradisional dengan kebudayaan parti yang “palsu, jahat, tarung”. Pembinaan dan penggantian ini bukan sahaja meliputi benda-benda peninggalan kuno dan buku-buku kuno yang dapat dilihat dengan mata, dan lebih daripada itu, pemusnahan juga dilakukan dalam aspek perilaku, pemikiran, cara hidup dan lain-lain, mengubah pandangan manusia terhadap nilai-nilai norma tradisional, kehidupan dan universal. Daripada segi lain pula, bentuk penampilan luaran kebudayaan yang tidak begitu penting dipandang sebagai “inti pati” untuk dikekalkan oleh PKC, kemudian dengan “inti pati” tersebut dijadikan sebagai tampang muka, menyalahafsirkan dan menggantikan kandungan makna kebudayaan tradisional dengan kebudayaan parti, selanjutnya bertopengkan helah “mewarisi dan memperkembang” kebudayaan tradisional Cina, mengelabui mata rakyat dan masyarakat antarabangsa.

### **(i) Tiga Agama Ditumpas Sekaligus**

Sebagaimana kebudayaan tradisional bertunjangkan pada Confucianisme, Buddhisme dan Taoisme, maka langkah pertama PKC dalam mensabotaj kebudayaan adalah dengan menghapuskan manifestasi atau tanda konkrit dalam duniawi ketiga-tiga doktrin tersebut, iaitu agama.

Ketiga-tiga agama juga pernah mengalami pemusnahan dalam tempoh waktu sejarah yang berbeza. Misalnya agama Buddha, pernah mengalami empat kali bencana dalam sejarah, dikenali sejarah

sebagai “Tiga Wu dan satu Zong untuk menindas penganut Buddha oleh empat maharaja berlainan”. Maharaja Taiwu [28] dalam Dinasti Wei Utara (386-534 M) dan Maharaja Wuzong [29] dalam Dinasti Tang (618-907 M) cenderung mengembangkan agama Taoisme dan menumpaskan agama Buddha. Maharaja Wu [30] dalam Dinasti Zhou Utara (557-581 M) menumpas agama Taoisme dan Buddhisme secara serentak, tapi menjunjung agama Confucianisme. Maharaja Shizong [31] dalam Dinasti Zhou Kemudian (951-960 M) menumpas agama Buddhisme sesungguhnya demi hendak menempa wang logam daripada patung Buddha, langsung tidak menyentuh agama Confucious dan Tao sama sekali.

Hanya PKC, yang sekaligus menumpas ketiga-tiga agama.

PKC pada peringkat awal membangun kekuasaannya sudah mulai memusnahkan kuil dan membakar kitab, memaksa sami dan biarawati kembali menjalani kehidupan sekular. Pemusnahannya terhadap tempat ibadah agama-agama lain juga dilakukan dengan cara kekerasan. Sehingga tahun 1960-an, tempat bagi kegiatan agama di China hanya tinggal sisa-sisa sahaja. Pada waktu Revolusi Kebudayaan, gerakan “menyingkirkan empat unsur usang” (iaitu idea usang, budaya usang, adat usang dan tabiat usang) [32], lebih-lebih lagi merupakan suatu bencana dahsyat bagi agama dan kebudayaan.

Sebagai contoh, kuil agama Buddha yang pertama di China ialah Kuil Kuda Putih (Kuil Bai Ma) [33] yang dibina di luar kota Luoyang pada awal Dinasti Han Timur. Semasa gerakan “menyingkirkan empat unsur usang” kuil ini tidak lepas daripada ditimpa malapetaka. “Di tepi Kuil Kuda Putih terdapat pasukan pengeluaran, di bawah pimpinan seorang setiausaha cawangan parti, kaum petani miskin dikerahkan untuk menghancurkan Patung Tanah “18 Arhat” yang bersejarah ribuan tahun sejak Dinasti Liao (916-1125 M) atas nama revolusi. Sebuah kitab Beiyue [34] yang dibawa daripada India oleh seorang sami senior dua ribu tahun lalu dibakar, arca Kuda Jed yang merupakan khazanah yang jarang ditemui di dunia dipecahkan hingga serpih-serpihan. Beberapa tahun kemudian, pemimpin negara Kemboja yang hidup dalam pembuangan, Norodom Sihanouk berhasrat untuk mengunjungi Kuil Kuda Putih, perdana menteri pada masa itu Zhou Enlai berkeinginan memerintahkan untuk memindahkan Kitab Beiyue daripada Istana Imperial di Beijing, dan Patung 18 Arhat daripada Kuil Bi Yun di Taman Xiangshan [35] ke kota Luoyang sebagai pengganti sementara, dengan demikian suatu masalah diplomatik yang sukar dapat diselesaikan.” [36]

Revolusi Kebudayaan yang bermulanya sejak bulan Mei tahun 1966 benar-benar telah “merelovusi” kebudayaan China dengan cara sabotaj. Bermula daripada bulan Ogos tahun itu, kobaran api “menyingkirkan empat unsur usang” membakar di seluruh daratan China. Kuil Buddha dan biara Tao, patung Buddha, tempat-tempat peninggalan sejarah, lukisan kaligrafi dan barang-barang antik dilabelkan sebagai “feudalisme, kapitalisme, dan revisionisme” segera menjadi sasaran pemusnahan utama oleh Pengawal Merah. [37] Misalnya patung Buddha, di Istana Musim Panas di Beijing [38], yang terletak di puncak bukit Wan Shou terdapat seribu patung ukiran Buddha yang bergilap, setelah mengalami gerakan “menyingkirkan empat unsur usang”, tidak satu pun yang kelihatan masih utuh dan sempurna.

Di ibu kota sedemikian, di seluruh negeri juga sedemikian, bahkan sampai jauh ke desa-desa terpencil, juga tidak luput daripada pemusnahan tersebut.

“Di desa Dai, daerah Shanxi terdapat sebuah kuil Tian Tai yang dibina pada 1600 tahun silam semasa pemerintahan Taiyan dalam Dinasti Wei Utara, arca patung dan lukisan dindingnya amat berharga. Walaupun terletak di lereng bukit yang jauh daripada desa, pasukan pensabotaj “menyingkirkan empat unsur usang” berani mengambil risiko pergi ke sana dan menyapu bersih semua patung-patung dan lukisan dinding. Di desa Zhouzhi, daerah Xianxi terdapat sebuah Kuil Louguan [39], tempat Lao

Zi memberi ceramah pengajarannya dan meninggalkan kitab “Dao De Jing” yang termasyhur pada 2500 tahun yang silam, dan di dalam lingkungan 10 li [40] yang mengelilingi pentas di mana Lao Zi memberi ceramahnya sewaktu itu, terdapat lebih daripada lima puluh tempat peninggalan sejarah, termasuk Kuil Zhongsheng yang dibina pada 1300 tahun yang lalu oleh Maharaja Tang Gaozu Li Yuan [41]. Kini Kuil Louguan dan peninggalan sejarah yang lain telah dimusnahkan, golongan biarawan Tao semuanya dipaksa untuk meninggal tempat tersebut. Menurut peraturan agama Taoisme, biarawan yang telah meninggalkan kehidupan duniawi selama-lamanya tidak boleh mencukur misai dan menggunting rambut. Sekarang mereka dipaksa untuk menggunting rambut, melucutkan jubah biarawan, lalu menjadi anggota dalam Komun Rakyat [42], bahkan ada yang telah menjadi menantu kepada keluarga petani setempat. Lebih lanjut lagi, patung-patung dewa, alat-alat upacara, kitab dan relik kebudayaan, batu nisan di pelbagai tempat suci Taoisme di Gunung Laoshan, daerah Shandong, Kuil Taiping, Kuil Shangqing, Kuil Doumu, Kuil Biarawati Huayan, Kuil Ningzhen, Kuil Guan Yu dan tempat suci yang tak terkira lagi semuanya disabotaj dan dibakar. Kuil Wen di kota Jilin adalah merupakan salah satu antara empat kuil aliran Confucianisme yang terbesar di China, semasa gerakan “menyingkirkan empat unsur usang” telah mengalami kemusnahan yang parah.” [43]

## **(ii) Cara Pelenyapan Agama Yang Khusus**

Lenin mengatakan “benteng paling mudah dibolosi daripada dalam”. PKC sebagai sekelompok anak cucu Marxisme-Leninisme, dengan semulajadinya akan mengerti kenyataan ini.

Dalam sutra “Mahayana Mahaparinirwana”, [44] Buddha Sakyamuni meramalkan bahawa setelah nirvananya, akan ada raja iblis menjelma semula sebagai sami, biarawati dan penganut agama Buddha untuk menghancurkan Dharma Buddha. Kita sudah tentu tidak dapat memastikan apa sebenarnya yang disebutkan oleh Buddha secara konkrit, namun pemusnahan terhadap agama Buddha oleh PKC betul-betul dimulakan oleh sebahagian pertapa daripada “barisan penyatuan perang”. PKC bahkan mengutuskan anggota parti secara sulit, menyusup ke dalam agama secara langsung untuk melakukan sabotaj. Dalam suatu mesyuarat kritikan semasa Revolusi Kebudayaan, ada orang pun bertanyakan kepada timbalan ketua Persatuan Agama Buddha China pada waktu itu, Zhao Puchu: “Kamu ialah anggota Parti Komunis, mengapakah kamu menganuti agama Buddha?”

Buddha Sakyamuni melalui ajaran “pantang larang, daya penumpuan, kebijaksanaan” berkultivasi mencapai kesedaran makrifat sempurna yang tiada taranya, maka sebelum nirvananya, Buddha dengan sungguh-sungguh menasihati para pengikutnya untuk “memegang dan mematuhi pantangan, janganlah menodai dan melanggarnya”. Di samping itu juga diperingatkan bahawa: “Orang yang melanggar pantangan, akan dikutuk langit, naga, dewa dan hantu. Nama jahatnya tersebar jauh dan luas... Setelah meninggal mereka akan segera mengalami penderitaan di neraka bagi karma mereka, melewati kiamat yang tanpa akhir, kemudian keluar kembali menjelma semula menjadi hantu kelaparan atau binatang, menderita demikian dalam kitaran tanpa dapat membebaskan diri.” [45]

Sami Buddha politik bagai pekak telinga terhadap peringatan Buddha. Pada tahun 1952, semasa “Persatuan Agama Buddha China” ditubuhkan di tanah besar China, PKC mengutuskan anggotanya untuk turut hadir, dalam mesyuarat tersebut banyak penganut mengusulkan untuk melupuskan peraturan dan pantangan biara dalam agama Buddha, dan mengatakan fasal-fasal disiplin tersebut telah membawa padah kepada banyak muda-mudi. Bahkan ada orang yang mengusulkan bahawa “boleh menganut agama secara bebas, sami dan biarawati boleh menikah, boleh minum arak dan makan daging, sesiapa pun tidak boleh campur tangan dengan ini”. Sami Senior Xuyun yang menghadiri pertemuan pada waktu itu melihat bahaya yang akan menimpa kepada agama Buddha yang bakal menuju kebinasaan, lantas tampil ke depan membela dan menentanginya, memanggil tetap mempertahankan serta mengekalkan peraturan dan pantangan, dan cara pemakaian agama Buddha. Justeru itu, Sami Senior Xuyun kemudiannya dituduh sebagai “reaksionis”, dikurung dalam ruang



bilik sami, dilarang untuk makan dan minum, untuk membuang air besar dan kecil juga tidak diizinkan keluar, bahkan diperas dan diperintahkan untuk menyerahkan emas, perak dan senapang. Setelah Xuyun menjawab “Tidak ada”, dia dipukul dan disiksa dengan teruk sehingga kepalanya bocor dan berdarah, dan tulang rusuknya patah. Pada masa itu Xuyun sudah berumur 112 tahun, polis militari menolaknya daripada tempat baring sehingga jatuh ke lantai, dan datang lagi pada keesokan harinya, mendapati Xuyun belum lagi meninggal, maka dipukul lagi dengan bengis.

Persatuan Agama Buddha China yang ditubuhkan pada tahun 1952 dan Persatuan Agama Tao China yang ditubuhkan pada tahun 1957, dalam kenyataan penubuhannya dengan jelasnya menyatakan akan berada “di bawah kepimpinan pemerintahan kerajaan rakyat”, yang sebenarnya adalah berada di bawah kepimpinan Parti Komunis yang “atheis”. Pada masa yang sama, kedua-dua agama tersebut menyatakan akan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti pengeluaran dan pembangunan, melaksanakan dasar kerajaan dan lain-lain, telah berubah menjadi sebuah organisasi yang sekular sepenuhnya. Manakala golongan sami yang gigih mematuhi peraturan dan pantangan pula dilabelkan sebagai anasir anti-revolusi, anasir-anasir persatuan yang tidak sah dan tahyul. Dan di bawah slogan revolusi “menulankan agama Buddha dan Tao”, mereka dimasukkan ke dalam penjara, dipaksa melakukan kerja-kerja paksa, bahkan dihukum mati. Malahan agama Katolik dan Kristian yang disebarkan daripada Barat juga tidak luput daripada penindasan. Menurut statistik dalam buku “Bagaimana PKC menindas agama Kristian” yang diterbitkan pada tahun 1958, dengan hanya disingkap semata-mata melalui maklumat buku tersebut menunjukkan, paderi dan pedakwah-pendakwah di tanah besar China yang dibunuh dengan tuduhan “tuan tanah” dan “pembuli jahat”, jumlahnya bahkan mencapai 8,840 orang, dan jumlah yang dihantar ke kem kerja paksa sebanyak 39,200 orang. Antara mereka yang dilabelkan sebagai “anti-revolusi”, sebanyak 2,450 orang telah dibunuh, dan jumlah yang dihantar ke kem kerja paksa sebanyak 24,800 orang. [46]

Agama tanpa ragu-ragu adalah merupakan jalan untuk keluar daripada dunia sekular, dan berkultivasi mencapai penyedaran makrifat sempurna (enlightenment), yang mementingkan ialah “tebing seberang” (tebing bagi makrifat sempurna) dan “syurga”. Shakyamuni pernah menjadi anak raja di India, demi mencari mukti [47], suatu keadaan seseorang dapat memperoleh ketenteraman dalam jiwa, kebijaksanaan yang lebih tinggi, penyedaran kesempurnaan, dan nirvana [48], beliau meninggalkan takhta raja lalu masuk ke hutan melakukan pertapaan yang pahit. Jesus Christ sebelum mencapai penyedaran makrifat kesempurnaan, syaitan mengajak dia ke sebuah gunung, menunjukkan kemegahan ribuan negara di bawah langit kepadanya, dan berkata “Jika engkau bersembah sujud kepada aku, maka aku akan menganugerahkan semua ini kepadamu”. Namun Jesus Christ tidak tergoda. Sebaliknya sami politik, pendeta politik yang membentuk “barisan penyatuan perang” bersama-sama dengan PKC telah mereka cipta seperangkat teori kebohongan “agama Buddha duniawi”, “agama ialah kebenaran, sosialisme juga ialah kebenaran”, dan “tebing di sini tidak bertentangan dengan tebing seberang”. Mereka mendorong golongan pertapa untuk mengejar kebahagiaan dan kemewahan duniawi, mengubah doktrin dan makna sebenar dalam agama.

Agama Buddha melarang pembunuhan, sebaliknya PKC sewaktu “penindasan reaksionis” [49] membunuh orang dalam jumlah yang tak terhitung, sami politik kemudiannya pula mengarang dalil-dalil yang mengatakan bahawa “membunuh anti-revolusi adalah lebih berbelas kasih”. Bahkan di masa “Perang untuk menentang pencerobohan Amerika Syarikat dan Membantu Korea” (1950-1953) [50], PKC secara langsung menghantar golongan sami ke garis paling depan untuk membunuh.

Mengambil agama Kristian sebagai satu lagi contoh, pada tahun 1950 Wu Yaozong [51] telah membentuk gereja Kristian “Tiga Mandiri” yang kononnya berprinsipkan pentadbiran sendiri, penyokongan sendiri dan propaganda sendiri, bergembar-gembur ingin memutuskan hubungan daripada “imperialisme” dan mengambil bahagian secara aktif dalam “melawan Amerika Syarikat membantu Korea”. Seorang sahabat karibnya disebabkan tidak mahu menyertai “Gereja Tiga Mandiri” telah dipenjarakan selama dua puluh tahun lebih, mengalami penuh penderitaan dan

penyiksaan. Sahabat ini bertanya kepada Wu Yaozong: “Bagaimana anda melihat mukjizat yang dilakukan Jesus Christ?” Wu Yaozong menjawab: “Semua itu sudah saya buang”.

Tidak mengakui mukjizat Jesus Christ, berarti tidak mengakui syurga Jesus Christ. Jika sampai syurga Jesus Christ tidak diakui, apakah masih dikira umat Kristian? Namun Wu Yaozong sebagai pengasas bagi “Gereja Kristian Tiga Mandiri” telah menjabat sebagai jawatankuasa tetap Persidangan Penasihat Politik. Ketika melangkah kaki masuk ke dalam Dewan Besar Rakyat [52], dia pasti telah lupa perkataan Jesus Christ “Anda harus menyayangi Tuhan dengan sepenuh hati, sepenuh iman dan sepenuh jiwa, ini ialah firman Tuhan yang pertama, juga adalah yang paling besar.” (Matthew, 22:37-38) “Benda Tuhan dikembalikan kepada Tuhan, benda Caesar dikembalikan kepada Caesar.” (Matthew, 22:21)

PKC menyita aset kuil-kuil, memaksa sami dan biarawati mempelajari teori Marxisme-Leninisme, untuk mencuci otak mereka, lebih-lebih lagi memaksa mereka membuat kerja keras. Misalnya di bandar Ningbo daerah Zhejiang terdapat sebuah “bengkel penganut Buddha”, di dalamnya terdapat lebih daripada 25,000 sami dan biarawati yang diperas tenaga kerjanya. Yang lagi tidak masuk akal, PKC mendorong golongan sami dan biarawati untuk bernikah, untuk meruntuhkan kepercayaan mereka terhadap agama Buddha. Misalnya sebelum Hari Wanita Antarabangsa 8 Mac pada tahun 1951, Persatuan Wanita di Changsha daerah Hunan, mengarahkan biarawati-biarawati dalam daerah tersebut, harus memutuskan untuk berkahwin dalam masa beberapa hari! Di samping itu, golongan sami yang muda dan sihat dipaksa menyertai militer, dihantar ke medan perang untuk dijadikan abu perang. [53]

Berbagai-bagai pertubuhan keagamaan telah tercerai berai di bawah penindasan secara kekerasan oleh PKC. Para elit sejati daripada kalangan agama Buddha dan Tao telah ditindas, yang tertinggal sudah banyak yang kembali menjalani kehidupan duniawi. Sementara itu masih ada banyak anggota Parti Komunis yang terselubung, mereka secara khususnya memakai kesa robes, [54] jubah atau pakaian pendeta, memutar-belitkan dan menginterpretasikan secara serong isi kitab Buddha, kitab Tao dan Bible, daripada doktrin ini mencari dalil dan alasan bagi gerakan PKC.

### **(iii) Memusnahkan Benda Peninggalan Kebudayaan**

Pemusnahan terhadap benda-benda peninggalan kebudayaan kuno juga merupakan bahagian penting dalam proses pembinaan kebudayaan tradisional oleh PKC. Dalam gerakan “menyingkirkan empat unsur usang”, berapa banyak buku-buku dan tulisan kaligrafi yang tunggal yang disimpan dengan hati-hati oleh kaum cendekiawan, semuanya dibakar atau dihancurkan menjadi pulpa kertas. Di rumah Zhang Bojun [55] menyimpan lebih daripada 10,000 jilid buku dalam rumahnya, Ketua Pengawal Merah mengambilnya untuk dijadikan bahan bakar untuk menghangatkan badan, sisanya dihantar ke kilang pembuat kertas untuk dihancurkan menjadi pulpa kertas.

“Seorang orang tua yang merupakan ahli pakar dalam tulisan kaligrafi dan lukisan serta pelekapan, Hong Qiusheng, orang ramai memanggilnya dengan gelaran “doktor mukjizat” bagi tulisan dan lukisan, pernah menyelesaikan pelekapan karya-karya agung dalam jumlah yang tidak terhitung, misalnya lukisan pemandangan Maharaja Huizong dalam Dinasti Song [56], lukisan buluh Su Dongpo [57], dan juga lukisan Wen Zhenming [58] dan Tang Bohu [59]. Selama berpuluh-puluh tahun, tulisan kaligrafi kuno yang diselamatkannya daripada kehancuran adalah sebanyak ratusan buah, kebanyakan adalah merupakan koleksi berharga kelas pertama negara. Dia mencurahkan segenap jiwa untuk mengumpulkan koleksi tersebut, kini hanya dengan dua kata “unsur usang” musnah dijilat api. Setelah kejadian ini, orang tua Hong dengan air mata berkata kepada orang-orang: “Kaligrafi dan lukisan seberat 100 jin [60] (50 kg) lebih, dibakar buat waktu yang cukup lama!” [61]

“Umat dan peristiwa di dunia datang dan pergi, pergi dan balik melewati masa kuno dan moden, sungai dan gunung meninggalkan jejak kemegahan mereka, dan masih menjadi saksi terhadap generasi kita kini...” [62]

Orang-orang Cina zaman sekarang sekiranya masih mempunyai sedikit daya ingatan terhadap sejarah, mungkin akan dapat merasai penghayatannya apabila menyairkan sajak-sajak Meng Haoran. Tempat-tempat warisan peninggalan sejarah yang terkenal di negara China, dalam ribut “menyingkirkan empat unsur usang” telah dicerai-beraikan lalu lenyap. Astaka Orkid (Lan Ting) yang disebutkan dalam “Prolog Koleksi Sajak Astaka Orkid” [63], sebuah karya termasyhur karangan Wang Xizhi [64], bukan saja telah dimusnahkan, bahkan perkuburan Wang Xizhi sendiri juga dihancurkan-musnahkan. Bekas tempat kediaman Wu Cheng’en [65] di daerah Jiangshu telah dihancurkan, dan bekas tempat kediaman Wu Jingzi [66] di daerah Anhui juga dihancurkan. Batu nisan penulisan pujangga Su Dongbo [67] “Pondok Pinggir Jalan Pemabuk Tua” juga dirobuhkan oleh “revolusionis muda” [68], tulisan di atas batu nisan dikerok hingga gugur...

Inti-pati kebudayaan Cina ini yang melewati pewarisan dan pemendapan selama beribu-ribu tahun, sekali sudah dimusnahkan maka tidak akan dapat kembali semula buat selama-lamanya. Namun PKC bahkan telah menghancurkan-musnahkannya atas nama “revolusi” tanpa sedikit pun kekesalan dan rasa malu. Apabila kita mengeluh ketika Tentera Bersekutu Inggeris-Perancis membakar Istana Yuan Ming, yang dikenali sebagai “istana bagi istana”, dan mengeluh lagi terhadap karya besar bersejarah “Ensiklopedia Yongle” [69] yang dimusnahkan oleh api perang kaum penceroboh asing, bagaimanakah kita dapat menduga pula, pembinaan yang dilakukan oleh PKC ternyata lebih luas, lebih bertahan lama dan lebih menyeluruh berbanding dengan kaum penceroboh?

#### **(iv) Pemusnahan dalam Aspek Rohaniah**

PKC selain ingin melenyapkan agama dan kebudayaan dalam aspek material, masih cuba sedaya upaya untuk memusnahkan identiti kerohanian yang dibentuk kepercayaan dan kebudayaan.

Sebagai contohnya, PKC menganggap adat istiadat kaum muslim suku etnik Hui tergolong dalam “empat unsur usang”, maka memaksa rakyat suku Hui memakan daging khinzir, juga memerintahkan keluarga petani suku Hui dan masjid memelihara khinzir, menentukan setiap keluarga harus menyerahkan dua ekor khinzir pada setiap tahun. Pengawal Merah bahkan memaksa Buddha Hidup Tibet (living Buddha) kedua tertinggi, Panchen Lama, untuk memakan najis manusia; juga memaksa tiga orang sami daripada Kuil Ji Le, sebuah kuil moden (1921) terbesar di kota Harbin, daerah Heilongjiang, mengangkat sebuah papan kertas, di atasnya tertulis “Celaka sutra, semuanya kentut.”

Tahun 1971, Lin Biao [70] melarikan diri daripada China, pesawatnya jatuh di Undurkhan Mongolia, namun petikan kata-kata Confucius dijumpai di Maojiawan, tempat kediaman bagi Lin, sejurus selepas itu telah menyalakan kempen fanatik yang mengkritik Confucius di seluruh negeri. Liang Xiao [71] dalam majalah “Panji Merah” mengutarakan sebuah artikel yang berjudul “Siapakah Confucius”, menggambarkan Confucius sebagai “orang gila yang memutar balik roda sejarah”, “demagog dan penipu politik yang munafik dan licik”, lantas serentetan karikatur dan lagu-lagu yang menghodohkan Confucius juga muncul beriringan.

Dengan ini, martabat dan kesucian dalam agama dan kebudayaan telah dimusnahkan.

#### **(v) Pemusnahan yang Tanpa Akhir**

Pada zaman China kuno, kuasa pemerintahan pusat hanya sampai ke peringkat daerah. Di bawah peringkat daerah sepenuhnya bersandarkan kepada kuasa autonomi suku kaum dan klan, oleh sebab

itu, peristiwa “membakar buku dan menanam hidup-hidup kaum intelektual” oleh Maharaja Qin Shi Huang [72], mahupun empat kempen pelenyapan agama Buddha dalam sejarah, “Tiga Wu dan Satu Zong”, pemusnahan semacam ini adalah berupa gerakan yang dimulakan daripada atas hingga ke bawah, tidak mungkin dilenyapkan secara tuntas dan menyeluruh. Klasik dan idea Buddhisme mahupun Confucianisme tetap masih ada ruang kewujudan yang besar di kalangan rakyat. Manakala pelajar-pelajar sekolah menengah yang berada dalam masa muda-mudi, di bawah hasutan PKC melakukan gerakan “menyingkirkan empat unsur usang” adalah merupakan gerakan daripada akar umbi yang bersifat spontan dan berkobar-kobar, yang merambat ke seluruh negeri; di samping itu, sistem pengawalan masyarakat PKC yang ketat dengan “setiap desa pun terdapat cabang parti”, membuat “revolusi” semacam ini menjangkau keadaan yang tanpa berakhir, sehinggakan menyentuh setiap orang, setiap jengkal tanah di China.

Tidak pernah ada dalam sejarah seorang maharaja yang selain daripada menggunakan kekerasan, lagi memakai cara fitnahan dan caci maki, melenyapkan daripada minda dan lubuk hati orang terhadap perkara-perkara yang dianggap paling suci dan paling indah, seperti yang dilakukan oleh PKC. Pemusnahan dalam bentuk pemikiran dan ideologi, seringkali lebih efektif dan lebih bertahan lama daripada pemusnahan secara material semata-mata.

#### **(vi) Mereformasi Kaum Intelektual**

Huruf-huruf Cina (Han) menyatukan inti pati peradaban selama 5000 tahun, daripada bentuk huruf, sebutan huruf sehinggalah ungkapan dan pepatah serta asal-usul pembentukannya, semuanya mengandungi makna kebudayaan yang mendalam. PKC selain mempermudah huruf-huruf Cina, juga pernah cuba menggantikannya dengan rumi (pinyin), berkeinginan untuk menghapus segala tradisi dalam kebudayaan, kemudian disebabkan sememangnya tidak dapat dilaksanakan, barulah dibatalkan. Namun kaum intelektual yang juga sama mewarisi kebudayaan tradisional pula tidak begitu bernasib baik.

Sebelum tahun 1949, di China terdapat kira-kira dua juta kaum intelektual, walaupun antara mereka terdapat sebahagian yang melanjutkan pelajaran ke negara Barat, tetapi masih mewarisi sebahagian doktrin Confucianisme. PKC tentu tidak akan melepaskan mereka, kerana sebagai “kaum sarjana terpelajar dan golongan elit”, pemikiran mereka memainkan peranan yang tidak dapat diremehkan dalam membentuk kesedaran di kalangan rakyat.

Maka pada September 1951, PKC memulakan sebuah “gerakan reformasi fikiran” yang besar-besaran di Universiti Peking terhadap kaum intelektual, dan meminta atas dasar ini, “menubuhkan gerakan mengulas sejarah secara setia dan jujur, untuk membersihkan anasir anti-revolusi yang ada dalamnya.” [73]

Mao Zedong sejak dulu lagi amat membenci kaum intelektual. Mao mengatakan: “Seharusnya mereka (intelektual) perlu mengetahui suatu kebenaran, iaitu banyak yang disebutkan sebagai kaum intelektual, sebenarnya adalah kurang berilmu pengetahuan, sesungguhnya apabila dibandingkan dengan kaum buruh dan petani, kadang-kadang pengetahuan kaum buruh dan petani melebihi mereka”. [74] “Mengambil kaum intelektual yang belum direform lagi untuk dibandingkan dengan buruh dan petani, akan terasa kaum intelektual bukan saja mentalnya ada banyak tempat yang tidak bersih, bahkan badannya juga tidak bersih; yang paling bersih ialah buruh dan petani, sekalipun tangan mereka hitam, dan di kaki mereka ada tahi kerbau...” [75]

Penindasan PKC terhadap kaum intelektual dimulakan dengan kritikan besar dalam pelbagai bentuk, daripada tahun 1951 mengkritik Wu Xun [76] yang “menjalani sekolah dengan wang kemis”, sehingga tahun 1955 Mao Zedong turun sendirinya melabelkan Hu Feng [77] sebagai anti-revolusi, pada waktu itu kaum intelektual masih belum lagi dikategorikan sebagai kelas reaksionis secara besar-

besaran. Namun sampai tahun 1957, apabila beberapa agama tradisional yang utama sudah tunduk di bawah “barisan penyatuan perang”, PKC akhirnya menjulurkan tangannya untuk menentang kaum intelektual, inilah “gerakan anti sayap-kanan” yang terkenal.

Pada akhir Februari 1957, PKC menyerukan semboyan “seratus bunga mekar bersama, seratus aliran bersaing bersuara”, mendorong kaum intelektual mengajukan pendapat mereka kepada PKC, dan berjanji tidak akan mengambil tindakan balas. Kaum intelektual yang sudah lama tidak berpuas hati dengan sikap PKC yang ingin memimpin segala-galanya walaupun tidak professional, serta melakukan pembunuhan sewenang-wenang terhadap orang yang tidak bersalah semasa dalam gerakan “menindas anti-revolusi” pada 1950-1953 dan “melenyapkan anti-revolusi 1955-1957”, menyalahafsir bahawa PKC akhirnya sudah bersikap terbuka, maka mereka mulai mengutarakan apa yang ada dalam hati, kritiknya juga makin lama makin hebat.

Setelah sekian lama sejarah berlalu, masih terdapat banyak orang yang menganggap bahawa Mao Zedong hanya menyerang balik disebabkan kritikan kaum intelektual terhadap PKC itu sudah melampaui batas kesabaran Mao. Namun kenyataannya adalah lain.

Mao pada 15 Mei 1957 telah menuliskan sebuah artikel “Benda Mulai Berubah”, dan diedarkan di kalangan kader-kader peringkat tertinggi dalam parti. Antaranya disebutkan: “Akhir-akhir ini, penampilan sayap kanan telah menunjukkan mereka paling bertekad dan melampau. Mereka ingin menghembuskan suatu angin taufan yang dalam skala ketujuh ke atas, di bumi dataran China ini, berkhayal untuk menghapuskan Parti Komunis.” [78] Seterusnya, pegawai-pegawai parti daripada pelbagai peringkat yang tidak tertarik dengan gerakan “seratus bunga mekar bersama, seratus aliran bersaing bersuara” tiba-tiba berubah mendadak menjadi sangat ghairah dan bersungguh-sungguh. Anak perempuan Zhang Bojun dalam catatan memorinya berjudul “Peristiwa Masa Silam Tidak Hilang Bagaikan Asap” menceritakannya sebagai berikut.

Menteri di Jabatan “Barisan Penyatuan Perang”, Li Wei-han dengan sendirinya menelefon Zhang Bojun, mengundangnya bagi menghadiri seminar rektifikasi parti, dan mengaturnya untuk duduk di atas sofa besar di barisan depan. Zhang tidak tahu ini ialah suatu perangkap, dan telah mengajukan banyak pendapatnya. Dalam seluruh proses, “Li Wei-han kelihatan riang dan santai, maka Zhang menganggap Li menyetujui pembicaraannya. Tidak disangka-sangka, dia berasa riang kerana mangsanya telah masuk ke dalam perangkap. Di kemudian harinya Zhang Bojun telah dikategorikan sebagai sayap kanan nombor satu di China.

Kita boleh melihat kepada beberapa tanggal pada waktu ketika golongan intelektual menyampaikan kritikan dan cadangan: “Institut Perekaan Politik” oleh Zhang Bojun, 21 Mei; “Pandangan Anti-Soviet Union Yang Tidak Masuk Akal”, oleh Lung Yun, 22 Mei; “Jawatankuasa Pemulihan Reputasi” oleh Luo Lungji, 22 Mei; ceramah “Mengkritik Sosialisme Yang Feudalistik PKC” oleh Lin Xiling di Universiti Beijing, 30 Mei; “Parti Patut Meninggalkan Pemimpinannya dalam Bidang Seni” oleh Wu Zuguang, 31 Mei; “Parti Mendominasi Dunia” oleh Chu Anping, 1 Jun. Semua ini adalah merupakan pendapat yang diutarakan oleh kaum intelektual atas “undangan” PKC, setelah Mao siap mengasahkan pisaunya.

Kaum intelektual tersebut kemudiannya telah dilabelkan sebagai “sayap kanan”, dan “sayap kanan” yang sedemikian berjumlah lebih daripada 550 ribu di seluruh negeri.

Dalam kebudayaan tradisional Cina mempunyai semangat: “sarjana boleh dibunuh tetapi tidak boleh dihina”, namun PKC bahkan membuatkan anda jika tidak dihina, maka tidak akan mendapat nasi, sehinggakan anggota keluarga juga dibabitkan bersama. Dengan demikian banyak kaum intelektual benar-benar telah menyerah, dalam proses ini ada sebahagian kaum intelektual demi melindungi diri sendiri lalu membongkarkan orang lain, yang sesungguhnya telah menghancurkan hati banyak orang.

Manakala kaum intelektual yang sememangnya tidak boleh dihina, telah dibunuh untuk menakutkan yang lain.

“Golongan elit dan sarjana” yang dijadikan sebagai teladan moral kepada masyarakat tradisional, demikiannya telah lenyap.

Mao Zedong berkata: “Maharaja Qin Shi Huang kira apa? Dia hanya menguburkan 460 orang sarjana Confucius, tetapi kami telah menguburkan 46,000 orang intelektual. Ketika kami menindas reaksionis, bukankah kita bunuh sebahagian kaum intelektual yang anti-revolusi juga? Saya pernah berdebat dengan tokoh-tokoh demokrasi, kamu memaki kami sebagai Maharaja Qin Shi Huang, itu tidak betul, kami melebihi Maharaja Qin Shi Huang seratus kali ganda.”

Sesungguhnya, Mao bukan hanya telah menguburkan kaum intelektual, yang lebih parahnya telah membinasakan kepercayaan dan jiwa mereka. [79]

### **(vii) Mencipta Kebudayaan Permukaan dengan Mengekalkan Penampilan Luar namun Mengubah Maknanya**

Semenjak PKC memulakan reformasi ekonomi dan keterbukaan, telah mengubahsui banyak kuil, biara dan gereja, dan mengadakan pesta kuil-kuil dalam negeri, juga mengadakan pesta dan festival kebudayaan di luar negeri. Ini adalah merupakan tindakan PKC untuk memusnahkan dan memperalatkan buat kali terakhir terhadap sisa-sisa kebudayaan tradisional. Dalam hal ini, disebabkan PKC tidak berdaya untuk memutuskan sifat kebaikan yang terdapat pada manusia dan yang dapat membuat “kebudayaan partinya” melangkah menuju kemusnahan. Daripada segi lain PKC ingin memperalatkan kebudayaan tradisional sebagai kosmetik bagi menutupi sifat dasar jahatnya yang “palsu, jahat, tarung”.

Pangkal pokok kebudayaan ialah kandungan maknanya dalam nilai-nilai moral, manakala hujung sampingannya adalah berfungsi sebagai hiburan. PKC dengan cara menghidupkan kembali fungsi hiburan daripada permukaan kebudayaan, untuk menutupi hakikatnya yang memusnahkan kandungan makna nilai moral. Tidak peduli berapa banyak PKC telah menampilkan tulisan kaligrafi, lukisan dan benda-benda kuno dalam pameran, berapa banyak PKC telah mengadakan festival kebudayaan dengan tarian naga dan singa, festival makanan, berapa banyak bangunan telah dibina dan dibaikpulih, semua itu hanyalah bagi mengembalikan bentuk luaran bagi kebudayaan dan bukannya inti sarinya, pada masa yang sama PKC juga mempergunakan tindakan ini untuk meraih sokongan daripada dalam dan luar negeri, yang pada hakikatnya adalah bagi mempertahankan kekuasaannya.

Mengambil kuil sebagai satu lagi contoh. Kuil pada asalnya adalah merupakan tempat untuk berkultivasi, mendengar bunyi loceng di pagi dan di petang hari, atau untuk orang ramai biasa dalam masyarakat datang bertaubat dan melakukan sembayang. Semasa berkultivasi amat mengutamakan ketenangan, untuk bertaubat dan melakukan sembayang juga memerlukan persekitaran yang serius. Namun kini telah berubah menjadi tempat pelancongan demi perkembangan ekonomi. Yang benar-benar datang ke kuil, ada berapakah orang yang setelah mandi dan bertukar pakaian, lalu dengan hati yang tulus merenung kesalahan dirinya di depan Buddha?

Membaikpulihkan permukaan luar, membinasakan makna sebenarnya, ini juga merupakan taktik PKC untuk mengelirukan orang ramai di dunia. Baik agama Buddha, mahupun agama yang lain atau kebudayaan yang dibawakannya, PKC memang mahu membuatkan mereka terjerumus sampai ke keadaan merosot seperti itu.

### **III. Kebudayaan Parti**

PKC di samping memusnahkan kebudayaan tradisional yang bercorakkan semi-dewa, pada masa yang sama juga mendirikan kebudayaan parti PKC sendiri, melalui kempen politik yang berterusan. Kebudayaan parti ini telah mengubah generasi tua, meracuni generasi muda, dan juga mempengaruhi generasi anak-anak. Pengaruhnya amat mendalam dan luas, bahkan banyak orang ketika cuba ingin membongkarkan PKC juga tidak terhindar daripada membawa unsur-unsur lampau daripada kebudayaan parti, serta menggunakan kriteria penilaian baik dan jahat, cara berfikir dan sistem bahasa PKC.

Kebudayaan parti selain menwarisi “sifat sesat dan kejahatan” daripada doktrin sesat Marxisme-Leninisme, masih menggabungkan secara efektif bagi unsur-unsur negatif orang-orang Cina yang tertimbun selama beberapa ribu tahun, seperti pergolakan dalam istana raja, pembentukan kumpulan kongsi gelap untuk kepentingan peribadi, taktik menganiayai orang lain, tipu muslihat dan konspirasi, dengan revolusi kekerasan, falsafah pertarungan dalam propaganda komunis. Dalam pergelutan terhadap krisis kewujudannya selama berpuluh-puluh tahun, PKC telah mengembangkan dan memperkayakan ciri-ciri “palsu, jahat, tarung” secara berterusan.

Ciri-ciri kebudayaan parti adalah bersifat autoritarian dan diktator, demi berkhidmat untuk pertarungan politik dan pertarungan kelasnya. Kebudayaan parti membentuk persekitaran “alam dan manusia” yang kuku besi dan menakutkan daripada empat aspek berikut.

#### **(i) Aspek Dominasi dan Pengawasan**

##### ***a). Budaya Pemencilan***

Kebudayaan Parti Komunis adalah tertutup, terpencil dan monopoli. Tidak ada kebebasan untuk berfikir, bersuara, berhimpun dan beragama. Pemerintahan parti ibarat seperangkat sistem tekanan hidraulik, bergantung sepenuhnya kepada tekanan tinggi dan keadaan tertutup untuk mempertahankan kawalannya. Satu kebocoran yang sangat kecil juga mungkin menyebabkan keruntuhan sistem tersebut. Mengambil suatu contoh, semasa “Peristiwa 4 Jun” [80], PKC tidak mahu mengadakan dialog dengan mahasiswa, kerana takut akan membuka suatu ruang kebocoran, jika dibuka, maka kaum buruh, petani, cendekiawan, dan tentera semuanya akan meminta untuk mengadakan dialog, dengan demikian China akan menuju ke demokrasi, ini menyamai mencabar kediktatoran satu parti. Oleh sebab itu, lebih baik membunuh orang daripada meluluskan permintaan golongan mahasiswa itu. Sekarang PKC mengambil berpuluh-puluh ribu “polis siber” untuk mengawasi kegiatan internet, dan juga menyekat secara langsung laman web di luar negeri yang tidak disuka PKC.

##### ***b). Budaya Keganasan***

Untuk 55 tahun yang lalu, PKC telah menggunakan cara keganasan untuk menindas jiwa rakyat China. Cemeti yang digantung tinggi, pisau penyembelih yang tinggi diacukan, entah bila malapetaka akan menimpa, dan ini telah “menstandardkan” perilaku orang. Rakyat jelata yang hidup dalam ketakutan, telah menjadi patuh dan akur. Tokoh demokrasi, pemikir bebas, orang-orang yang berasa curiga dengan sistem PKC, anggota bagi pelbagai kumpulan kepercayaan, semuanya menjadi sasaran untuk dibunuh dan digunakan bagi memberikan amaran kepada orang kebanyakan, PKC mahu membasmi sebarang penentangan semasa pada peringkat tunas lagi.

##### ***c). Budaya Pengawasan Jaringan***

Pengawasan PKC terhadap masyarakat merangkumi semua bidang, termasuk sistem pendaftaran rumah tangga, sistem jawatankuasa tetangga di setiap jalan, struktur jawatankuasa parti pelbagai peringkat. “Cabang-cabang parti didirikan di peringkat kompeni dalam tentera”. “Setiap desa mempunyai cabang parti.” Parti dan Liga Pemuda Komunis mempunyai aktiviti-aktiviti masing-masing. Parti juga mengadakan serentetan semboyan yang seiring dengan itu, seperti “Jaga baik-baik pintu sendiri, awasi baik-baik orang sendiri”, “Mencegah dan menahan pengajuan pengaduan”, “Dengan teguh melaksanakan penunaian kewajiban dan tanggungjawab pada mana pihak apabila hal timbul, melakukan penjagaan dan pengawalan yang ketat, dan langkah pengawasan 24 jam.” “Pejabat 610 [81] membentuk pasukan pengawas, dalam tempoh yang tidak tertentu melakukan pemeriksaan terhadap pelbagai tempat dan pelbagai unit kerja”, dan lain-lain.

#### **d). Budaya Yang Membabitkan Orang Lain**

PKC sama sekali tidak menghiraukan prinsip perundangan dalam masyarakat moden sekarang, secara luas melaksanakan dasar politik yang membabitkan orang lain. Dasar ini digunakan untuk menghukum anggota keluarga dan saudara mara bagi anasir-anasir yang tergolong dalam “tuan tanah, orang kaya, reaksionis, elemen jahat, dan sayap kanan”, sehinggakan mengemukakan “teori asal kelas”. [82]

Sehingga kini, PKC mengamalkan dasar “kepada pemimpin yang tidak memenuhi kewajiban, bekerja dengan tidak efektif, sehingga tidak dapat mencegah pengamal Falun Gong masuk mangajukan aduan ke Beijing, tindakan akan diambil, dan mengkritik mereka secara umum. Untuk kes yang serius, akan dikenakan hukuman disiplin”. “Satu orang berlatih Falun Gong, seluruh anggota keluarga diberhentikan daripada pekerjaan.” “Satu orang pekerja berlatih Falun Gong, bonus semua pekerja dalam syarikat akan dikenakan potongan”, dan lain-lain. PKC juga mengisukan polisi diskriminasi yang mengklasifikasikan anak-anak kepada “yang boleh dididik dan diubah” atau “lima kelas hitam” (tuan tanah, orang kaya, reaksionis, elemen jahat, sayap kanan). PKC juga mempromosikan “kepatuhan kepada parti” dan “menempatkan keadilan di atas ketaatan kepada keluarga”. Di samping itu, sistem personel dan arkib organisasi, dan sistem penempatan semula sementara dibentuk untuk memastikan pelaksanaan bagi polisi tersebut. Orang ramai digalakkan untuk saling menuduh dan saling membongkar antara satu sama lain, dan akan diberi ganjaran oleh PKC.

#### **(ii) Aspek Propaganda**

##### **a) Budaya Satu Suara**

(Semasa Revolusi Kebudayaan, China dipenuhi dengan slogan seperti) “Perintah tertinggi”, “Satu ayat (daripada Mao) mengatasi sepuluh ribu ayat, dan setiap satunya ialah kebenaran”. Seluruh pihak media bangun serentak dan menyuarakan puji-pujian yang menyokong parti secara kolektif. Apabila diperlukan, pemimpin daripada pelbagai peringkat dalam parti, kerajaan, tentera, buruh, liga pemuda dan wanita dikerahkan bagi menyatakan sokongan mereka. Setiap orang dikehendaki merentasi dugaan ini.

##### **b) Budaya Mendorong Keganasan**

Mao Zedong berkata, “Dengan lapan ratus juta orang, apakah boleh jika tidak bertarung?” Dalam penindasan terhadap Falun Gong, Jiang Zemin mengatakan, “Tidak ada hukuman bagi memukul pengamal Falun Gong sehingga mati, dipukul mati dianggap mati sia-sia.” PKC bertegas, “Bom atom



ialah harimau kertas... sekalipun separuh populasi mati, separuh lagi yang tertinggal masih boleh membangunkan semula tanah air kita daripada sisa kemusnahan.”

### **c) *Budaya Menghasut Dendam Kesumat***

“Tidak lupa akan kesusahan kelas (miskin), dan ingat benar-benar akan dendam darah dan air mata” dijadikan sebagai polisi asas nasional. Kekejaman terhadap musuh kelas dipandang sebagai suatu amalan mulia. PKC mengajarkan: “gigitlah dendam, gigitlah kebencian, setelah mengunyah dendam dan benci harus memaksakan diri melelankannya, dendam dan benci harus masuk ke dalam hati dan bertunas.” [83]

### **d) *Budaya Penipuan dan Dusta***

Inilah beberapa contoh kebohongan PKC selama ini: “Hasil pertanian dalam satu mu [84] ladang melebihi sepuluh ribu jin”, “Tidak ada satu orang pun yang mati terbunuh di Lapangan Tiananmen” semasa pembunuhan beramai-ramai pada 4 Jun 1989, “Kami sudah mengawal keadaan penyakit virus SARS”, “Dewasa kini adalah merupakan masa terbaik bagi hak asasi manusia di China” dan “Tiga Wakil” [85].

### **e) *Budaya Cuci Otak***

Berikut ini adalah beberapa slogan untuk mencuci otak orang: “Jika tiada PKC maka tiada China baru”, “Kekuatan inti yang memimpin usaha kita ialah PKC, dasar teori yang membimbing fikiran kita ialah Marxisme-Leninisme” [86], “Mempertahankan penyatuan maksimal dengan Jawatankuasa Pusat Parti”, “Melaksanakan arahan parti jika kamu memahaminya, jika tidak memahaminya juga harus melaksanakannya, dalam proses pelaksanaan mendalami pemahaman”.

### **f) *Budaya Mengampu***

“Seagung-agungnya langit dan bumi, tidak seagung budi parti”, “Segala pencapaian atas sebab parti”, “Saya anggapkan parti sebagai ibunda”, “Menggunakan nyawa untuk membela Jawatankuasa Pusat Parti”, “Parti yang agung, cemerlang dan benar”, “Parti yang tidak pernah kalah” dan lain-lain.

### **g) *Budaya berpura-pura***

PKC membentuk tokoh teladan dan mendirikan contoh tipikal satu selepas satu, mengadakan kempen “Pembangunan peradaban kerohanian sosialisme” dan “pendidikan ideologi”. Pada akhirnya, semua orang kembali meneruskan apa yang dilakukan sebelumnya. Semua kelas kuliah, sesi belajar, dan perkongsian pengalaman, semuanya menjadi “tempat berpura-pura dengan bersungguh-sungguh”, lantaran nilai moral masyarakat terus melangkah mundur.

## **(iii) Aspek Perhubungan Antara Manusia**

### **a. *Budaya Cemburu***

PKC mempropagandakan “ideologi kesamarataan mutlak”, supaya “sesiapa yang bangkit menentang akan menjadi sasaran serangan”. Orang ramai yang cemburu terhadap mereka yang berkebolehan dan kaya, yang disebut “sindrom mata merah” [87].

### **b. *Budaya Orang Saling Memijak***

PKC mendorong “bertarung secara berdepanan dan membongkar rahsia di belakang”, membuat laporan kecil, menulis bahan material fitnahan, mengada-ada dan membesar-besarkan kesalahan orang. Semua itu telah menjadi simbol untuk mendekati diri kepada organisasi parti, dan keinginan untuk maju secara aktif.

#### **(iv) Aspek dalam menstandardkan rohaniah dalaman dan tingkah laku luaran manusia secara beransur-ansur**

##### **a. *Budaya yang Mengubah Manusia Menjadi Mesin***

PKC mahu rakyat umum menjadi “skru yang tidak akan berkarat buat selama-lamanya dalam mesin revolusi”, “menjadi alat parti yang dijinakkan”, “Parti menunjuk ke mana, kita akan menyerang ke mana”. “Perajurit Pengerusi Mao paling mendengar kepada parti, pergi mana-mana saja yang diperlukan, dan menetap di mana-mana saja tempat yang terdapatnya rintangan.”

##### **b. *Budaya Memutarbelitkan Benar Dan Salah***

Semasa dalam Revolusi Kebudayaan, PKC “rela mahu rumput sosialisme pun tidak mahu tuai kapitalisme.” Pihak tentera diarahkan untuk menembak dan membunuh dalam Pembunuhan Beramai-ramai 4 Jun untuk “menukarkan kestabilan selama dua puluh tahun”. PKC juga “Apa yang diri sendiri tidak menghendaki, harus dilakukan kepada orang lain.”

##### **c. *Budaya Mencuci Otak Sendiri Dan Patuh Secara Mutlak***

“Pihak bawahan patuh kepada pihak atasan, seluruh parti patuh kepada Jawatankuasa Pusat Parti”, “Bertarung tanpa belas kasih untuk membasmi sebarang pemikiran yang mementingkan sendiri yang terkilat dalam minda”, “Dalam lubuk roh kobarkan revolusi”, “Mempertahankan penyatuan yang maksimal dengan Jawatankuasa Pusat Parti”, “Menyatukan fikiran, menyatukan langkah, menyatukan perintah, menyatukan arahan”.

##### **d. *Budaya Menduduki Tempat Pembodek***

“Tanpa PKC, China akan menjadi kacau-bilau”, “China yang begitu besar, siapa yang dapat memimpinnya jika bukan PKC”, “China jika runtuh, akan menjadi bencana dunia, maka harus membantu PKC mempertahankan kekuasaannya”. Kumpulan yang ditindas PKC dalam jangka masa yang panjang, disebabkan rasa takut dan ingin melindungi diri sendiri, kadang-kala tampil dengan lebih kiri daripada PKC.

Hal-hal yang seperti ini, masih terdapat lagi banyak contoh. Setiap pembaca pun boleh menemui pelbagai unsur-unsur kebudayaan parti daripada pengalaman yang dilalui masing-masing.

Orang ramai yang telah mengharungi masa Revolusi Kebudayaan mungkin masih segar dalam ingatan terhadap opera moden “Drama Model”, lagu dengan lirik yang dipetik daripada kata-kata Mao, dan Tarian Kesetiaan, bahkan begitu masak dengan dialog dalam filem-filem “Gadis Berambut Putih” [88] , “Perang Terowong” [89] , “Perang Periuk Api” [90]. Sebenarnya PKC mencuci otak orang

ramai melalui bentuk kesenian seperti ini, secara paksa mengindoktrinasi propagandanya ke dalam otak manusia, antaranya “betapa agung dan bijaksananya PKC”, “betapa sukar dan berani PKC dalam menghadapi musuh”, “betapa setia perajurit parti terhadap parti, dan telah mengorbankan segala-galanya demi parti”, sedangkan “betapa bodoh dan kejam musuh”, dan sebagainya. Dengan demikian PKC melalui propaganda hari demi hari, mengindoktinaskan secara paksa konsep-konsep nilai yang diperlukan parti kepada setiap orang. Kini, ketika seseorang menoleh dan melihat kembali tarian muzikal “Merah di Ufuk Timur” dalam “Sajak Epik”, seluruh tema dan cara penampilannya adalah merupakan “bunuh, bunuh, bunuh”.

Pada masa yang sama, PKC masih menciptakan seperangkat sistem bahasa dan ucapan yang tersendiri, seperti bahasa cacik dalam kritikan secara besar-besaran, bahasa pengampuan parti yang memuakkan, bahan artikel tidak bermakna seakan format “esei lapan bahagian” [91], membuatkan orang apabila bercakap akan secara tidak sedar telah terjerumus ke dalam bentuk fikiran “pertarungan kelas” dan “menyanjungi parti”, dan dengan perbicaraan yang hegemoni menggantikan kata-kata yang tenang dan bernas. Penyalahgunaan yang sewenang-wenangnya terhadap istilah agama oleh PKC, lebih-lebih lagi telah menyimpangkan kandungan makna sebenar istilah-istilah tersebut.

Selangkah melampaui kebenaran akan menjadi teori yang tidak masuk akal. Kebudayaan parti pada peringkat tertentu masih dengan semena-menanya menyalahgunakan konsep nilai-nilai kebudayaan tradisional. Misalnya kebudayaan tradisional mengutamakan “kepercayaan”, begitu juga dengan PKC, namun apa yang dimaksudkannya ialah “kesetiaan dan kejujuran terhadap parti”. Kebudayaan tradisional menitikberatkan “ketaatan kepada ibu bapa”, PKC juga boleh memenjarakan orang yang tidak menjaga orang tuanya, namun adalah atas sebab apabila anak-anak tidak menjaga orang tuanya, justeru akan menjadi “beban” kepada kerajaan. Malahan apabila diperlukan oleh PKC, anak diharuskan membuat garis sempadan pemisahan dengan orang tuanya. Kebudayaan tradisional menekankan “kesetiaan” dan “Rakyat jelata di tempat pertama, kemudian negara, dan akhir sekali pemerintah”, namun “kesetiaan” yang disebutkan oleh PKC ialah “kesetiaan dungu dan membuta tuli”, rakyat dikehendaki “percaya dengan tanpa syarat, patuh dengan tanpa persoalan”.

Istilah yang sering digunakan oleh PKC amat memukaukan. Misalnya PKC memanggil perang saudara antara Komunis dan Nasionalis sebagai “Perang Pembebasan”, sepertinya mereka yang membebaskan rakyat daripada penindasan; menyebut pasca tahun 1949 sebagai “setelah penubuhan negara”, sedangkan sebenarnya negara China sudah wujud sebelum PKC, PKC hanya telah mendirikan sebuah kekuasaan baru sahaja; PKC memanggil Kebuluran Besar [92] selama tiga tahun sebagai “bencana alam tiga tahun”, padahalnya adalah bukan bencana alam sama sekali, tetapi adalah merupakan malapetaka buatan manusia secara total. Namun orang-orang telah terpengaruh dengan apa yang didengar dan dilihat, serta menggunakan istilah-istilah tersebut pada tiap-tiap hari, sehingga tidak sedar telah menerima konsep yang ingin diindoktrinasikan oleh PKC.

Dalam kebudayaan tradisional, muzik dijadikan sebagai cara untuk mengekang nafsu manusia. “Buku Muzik” dalam “Catatan Rekod Sejarah” [93] menjelaskan bahawa watak alamiah manusia adalah suka akan ketenangan, setelah manusia tersentuh oleh unsur sensasi daripada luar akan mempengaruhi emosinya, kemudian timbul perasaan baik atau buruk mengikut akal fikirannya, jika tidak dikekang sebaik-baiknya, maka manusia akan digoda oleh unsur-unsur luar yang tidak mengenal batas, sehingga melakukan banyak perkara buruk. Oleh sebab itu raja-raja pada zaman dahulu membuat upacara dan muzik untuk mengekang sifat manusia. Lirik lagunya harus “gembira tetapi tidak sehingga meninabobokkan, sedih tetapi tidak melukakan hati”, selain melahirkan perasaan, juga terdapatnya pengekangan terhadap perasaan tersebut. Confucius berkata: “tiga ratus syair, dapat disimpulkan dengan satu kata, iaitu tiada fikiran buruk.”

Benda-benda indah yang seperti ini, namun begitu, digunakan oleh PKC sebagai cara untuk mencuci otak orang, seperti lagu-lagu “Sosialisme Baik”, “Tiada PKC maka tiada China baru” dan sebagainya,

dinyanyikan tanpa henti semenjak daripada taska kanak-kanak hinggalah ke universiti. Dalam proses menyanyikan lagu tersebut, membuat orang-orang secara tanpa disedari telah menerima maksud yang hendak disampaikan dalam lirik lagu tersebut. PKC bahkan menyalahgunakan secara langsung melodi lagu di kalangan rakyat yang paling enak didengar, lalu mengisikannya dengan lirik kata yang menyanjungi parti, dengan demikian memusnahkan kebudayaan tradisional lagi berkhidmat buat parti.

“Ceramah dalam Forum Kesusasteraan dan Kesenian di Yan’an” [94] Mao, yang dipandang sebagai suatu dokumen klasik oleh PKC, menjadikan kebudayaan dan ketenteraan sebagai “dua barisan perang”, dan menyatakan bahawa hanya dengan memiliki pasukan tentera yang menggunakan senapan adalah tidak mencukupi, dan masih harus memerlukan “tentera kebudayaan”, juga menetapkan “kebudayaan dan kesenian tunduk dan berkhidmat kepada politik”, “Kesusasteraan dan kesenian kaum proletariat...adalah merupakan gear dan skru bagi seluruh mesin revolusi”. Dengan demikian, melahirkan “kebudayaan parti” yang bertumpukan kepada seperangkat teori “atheis” dan “pertarungan kelas” sebagai intinya, bertolak belakang sama sekali dengan kebudayaan tradisional.

“Kebudayaan parti” benar-benar amat berjasa besar kepada PKC dalam merampas kekuasaannya dan mempertahankan kekuasaannya; Kebudayaan parti menyerupai tentera, penjara, dan kuasa polis, yang merupakan suatu mesin kekerasan, dan bezanya hanyalah membekalkan suatu bentuk kekerasan lagi, iaitu “kekerasan dalam kebudayaan”. Kekerasan dalam kebudayaan sedemikian yang telah membinasakan kebudayaan tradisional selama lima ribu tahun, telah memecahbelahkan hati manusia, dan juga telah memecahbelahkan perpaduan bangsa.

Dewasa ini ramai orang Cina sudah tidak tahu sama sekali terhadap intisari kebudayaan tradisional, bahkan menyamakan kebudayaan parti 50 tahun dengan kebudayaan tradisional yang berusia 5,000 tahun, ini adalah merupakan suatu perkara yang amat menyedihkan bagi orang Cina. Banyak orang yang sewaktu menentang kebudayaan tradisional, mereka juga tidak mengerti dengan jelas, sesungguhnya yang ditentang mereka ialah “kebudayaan parti” PKC, dan bukannya kebudayaan tradisional China yang sebenar.

Ramai orang mengharapkan untuk menerapkan sistem demokrasi Barat bagi menggantikan sistem di China sekarang. Sesungguhnya demokrasi Barat juga terbina atas dasar kebudayaan yang berpaksikan pada agama Kristian, memegang prinsip “setiap orang adalah sama di hadapan Tuhan”, menghormati sifat manusia dan pilihan manusia. “Kebudayaan parti” PKC yang begitu diktator dan tidak berperikemanusiaan, bagaimanakah mungkin boleh dijadikan sebagai asas bagi sistem demokrasi Barat?

## **Kesimpulan**

Kebudayaan tradisional sesungguhnya sejak zaman Dinasti Song (960-1279 M) lagi sudah mulai mengalami perosakan secara berterusan, sehingga menyimpang daripada keasliannya. Setelah Gerakan 4 Mei 1919 [95], sebahagian cendekiawan yang ghairah mengejar hasil segera dan keuntungan di depan mata, juga pernah cuba mencari jalan keluar bagi China melalui penyangkalan terhadap kebudayaan tradisional dan memaling kepada pendekatan peradaban Barat, namun konflik dan perubahan yang terjadi dalam lingkungan kebudayaan sentiasa berada dalam perdebatan akademik, dan tanpa campur tangan daripada kuasa kekerasan negara. Kemunculan PKC, telah meningkatkan konflik kebudayaan tersebut sehingga kepada soal hidup mati PKC itu sendiri. Oleh sebab itu, PKC mula memusnahkan kebudayaan tradisional dengan menggunakan cara yang meluluhlantakkan, dan juga melakukan penyalahgunaan dalam bentuk “mengambil hampasnya, membuang patinya”.

Proses pembinasaan kebudayaan bangsa juga merupakan proses pembinaan “kebudayaan parti”. PKC memutarbalikkan konsep kebaikan nurani dan penaakulan moral manusia, membuatkan orang ramai bertolak belakang dengan tradisi bangsa. Pada waktu kebudayaan bangsa dibinasakan total, juga

merupakan saat bangsa menjadi “hanya tinggal nama belaka namun hakikatnya tiada”, ini mutlakny bukanlah sesuatu yang dibesar-besarkan untuk menakutkan orang.

Pada masa yang sama, pemusnahan kebudayaan bangsa masih lagi mendatangkan kerugian fizikal yang kita tidak boleh bayangkan.

Kebudayaan tradisional menekankan “langit dan manusia saling menyatu”, manusia harus wujud harmoni bersama dengan alam semulajadi; Manakala PKC mendorong “bertarung dengan langit asyiknya tak terhingga, bertarung dengan bumi asyiknya tak terhingga”, pemusnahan serius alam persekitaran di China dewasa kini, mempunyai kaitan secara langsung dengan kebudayaan parti. Dengan mengambil sumber air saja sebagai contoh, orang-orang di China telah meninggalkan tradisi “orang alim menghargai kekayaan, dan mendapatkannya dengan cara yang betul”, melakukan pengeksploitasian dan pencemaran yang sewenang-wenangnya terhadap alam semulajadi. Dewasa ini 50,000 kilometer aliran sungai di China, lebih 3/4 daripadanya tidak sesuai bagi habitat ikan, dan lebih daripada 1/3 air di bawah tanah telah dicemari sejak berdekad lalu, keadaannya terus bertambah buruk sehingga sekarang. Di atas sungai Huaihe bahkan terjadi fenomena aneh seperti ini: anak-anak sedang bermain di sungai yang permukaan airnya tercemar dengan minyak, suatu percikan api jatuh ke permukaan air, segera menyalakan api yang setinggi lima meter lebih, sepuluh lebih pohon pokok di sekitarnya terbakar hangus [96]. Dapat dibayangkan bahawa tidak mungkin bagi penghuni yang menggunakan air sungai semacam ini untuk diminum tidak diserang pelbagai penyakit kanser dan penyakit aneh. Fenomena penambahan kawasan gurun pasir dan fenomena alkalisasi di daerah Barat Laut China, serta pencemaran di daerah perindustrian maju, semua itu berkait rapat dengan kehilangan rasa hormat manusia terhadap alam semulajadi.

Kebudayaan tradisional menghormati dan menghargai nyawa. Manakala PKC mendorong “pemberontakan tetap relevan”, dan “bertarung dengan manusia asyik tak terhingga”. Atas nama revolusi, PKC boleh membunuh sembarangan dan membiarkan jutaan manusia mati kelaparan, dengan ini telah menyebabkan orang ramai memandang rendah terhadap nyawa manusia, menyebabkan barang-barang palsu dan beracun berleluasa di masyarakat. Mengambil kota Fuyang di daerah Anhui sebagai contoh, banyak anak yang pada asalnya sihat, kemudian dalam tempoh penyusuan, mulai timbul gejala kerencatan pertumbuhan pada tangan dan kaki, badan menjadi kurus lemah, dan besar pada sebelahny di bahagian kepala. Lapan bayi meninggal akibat penyakit aneh ini. Setelah siasatan dilakukan, didapati ada pedagang yang berhati jahat demi mengaut keuntungan memperdagangkan susu beracun. Ada orang menternak ketam, ular, dan kura-kura dengan memberikan bahan hormon dan antibiotik, mencampurkan alkohol industri dengan arak biasa, menggunakan lemak industri untuk memutihkan beras, menggunakan agen pemutih industri untuk memutihkan tepung gandum. Untuk lapan tahun, sebuah kilang di daerah Henan menghasilkan “minyak masak” yang beracun dengan bahan karsinogen seperti minyak buangan, minyak sisa makanan dan minyak tanah putih buangan, yang dapat mengakibatkan kanser, dan kuantiti pengeluarannya pada setiap bulan mencapai ribuan ton.... Bahan makanan yang beracun tersebut tidak hanya terbatas di satu daerah dan pada satu tempoh, tetapi berupa fenomena biasa di seluruh negeri. Semua ini adalah berikutan kebudayaan telah dibinasakan, hati manusia telah kehilangan pengekgangan moral, lalu dengan sewenang-wenangnya mengejar kenikmatan kebendaan.

Berbeza dengan “kebudayaan parti” yang monopoli dan eksklusif, kebudayaan tradisional memiliki sifat integrasi yang sangat besar. Sewaktu masa kegemilangan dalam Dinasti Tang, Buddhisme, agama Kristian dan agama barat yang lain juga dapat saling beradun dan bersepadu secara harmoni dengan Taoisme dan Confucianisme. Kebudayaan tradisional yang asli dan sebenar juga pasti dapat mempertahankan sikap yang terbuka dan toleransi terhadap peradaban Barat moden. “Empat Naga Kecil di benua Asia” (yakni Singapura, Taiwan, Korea Selatan dan Hong Kong) telah membentuk identiti “Lingkaran Kebudayaan Confucianisme Baru”, kemajuan mereka yang pesat telah

membuktikan bahawa kebudayaan tradisional bukan merupakan halangan bagi perkembangan masyarakat.

Pada masa yang sama, kebudayaan tradisional yang sebenar menilai kualiti hidup manusia berdasarkan kegembiraan dan kebahagiaan dalam lubuk hati seseorang, bukannya kenikmatan kebendaan di luar semata-mata. “Saya lebih rela tiada orang yang mempersalahkan saya di belakang, daripada ada orang yang memuji-muji saya di depan; Saya lebih rela mencapai ketenteraman dalam minda, daripada mendapat keselesaan dalam tubuh badan.” [97]. Tao Yuanming [98] walaupun hidup dalam kemiskinan tapi masih memiliki hati yang raing dan santai, bagaikan “memetik bunga aster di bawah pagar timur, sambil menatap Gunung Selatan di depan mata”.

Sebenarnya bagaimana untuk memperkembangkan pengeluaran industri, dan menerapkan sistem sosial yang macam mana, semua itu bukan merupakan persoalan yang harus dijawab oleh kebudayaan. Kebudayaan sesungguhnya hanya memainkan peranan sebagai bimbingan dan pengekangan dalam lingkungan nilai moral. Pengembalian kebudayaan tradisional yang sebenar seharusnya ialah pemulihan sifat rendah diri manusia terhadap langit, bumi dan alam semulajadi, penghargaan terhadap nyawa dan penghormatan terhadap Tuhan, agar manusia dapat hidup secara aman dan harmoni dengan langit dan bumi.

#### **Nota:**

[1] Pangu ialah makhluk hidup yang pertama dan pencipta kepada semua kehidupan dalam mitologi Cina.

[2] Nuwa ialah ibu dewi yang mencipta manusia dalam mitologi Cina.

[3] Shennong (secara harfiah, “Dewa Petani”) ialah seorang watak lagenda dalam mitologi Cina yang hidup 5,000 tahun yang lalu. Dia mengajar orang kuno untuk bercucuk tanam. Dia juga diberi penghargaan kerana membahayakan nyawanya untuk mengenal pasti herba-herba ubat yang mungkin beracun dan bermacam-macam jenis tumbuh-tumbuhan, yang memainkan peranan penting dalam perkembangan perubatan tradisional Cina.

[4] Cangjie merupakan watak lagenda daripada China kuno, dikatakan menjadi ahli sejarahwan yang rasmi kepada Maharaja Huang, dan juga pencipta huruf tulisan Cina. Cara kemasukan input huruf Cina Cangjie dalam komputer adalah dinamakan atasnya.

[5] Daripada Tao Te Ching atau Dao De Jing, salah satu daripada teks terpenting dalam Taoisme, ditulis oleh Lao Zi.

[6] Kata-kata pembukaan daripada Pelajaran Tinggi (Da Xue) oleh Confucius.

[7] Daripada Shi Ji (Catatan Rekod Sejarah) oleh Sima Qian (145-85 SM), yang merupakan sejarahwan major yang pertama. Buku Shi Ji mendokumenkan sejarah China dan negara-negara jirannya dari zaman kuno hingga masa penulisnya. Cara dan corak kerja-kerja Sima Qian adalah unik sekali dan dijadikan sebagai model dan standard rasmi bagi sejarah dinasti imperial untuk 2,000 tahun seterusnya.

[8] Daripada Analek, Confucius.

[9] Daripada Analek.

[10] Daripada Analek.

[11] Dalam Pelajaran Tinggi (Da Xue), Confucius mengatakan, “Perilaku seseorang perlu dipupuk baik, lantas keluarganya dapat dikendalikan. Dengan pengendalian keluarga yang baik, negara akan dapat ditadbir dengan betul. Dengan negara ditadbir dengan betul, maka seluruh dunia akan tenteram dan aman.”

[12] Dong Zhongshu (179-104 SM), seorang ahli pemikir Confucian semasa Dinasti Han, berkata dalam karya Tiga Cara Manusia untuk Berharmoni dengan Langit (Tian Ren San Ce), “jika langit masih kekal, maka Tap tidak akan berubah.”

[13] Kisah Perjalanan ke Barat, atau “Xi You Ji” atau lebih dikenali sebagai *Journey to the West*, ditulis oleh Wu Cheng’en (1506?-1582?), salah satu daripada novel Cina klasik yang terkenal. Cerita novel ini adalah berdasarkan suatu kisah benar tentang seorang sami Cina terkenal dalam Dinasti Tang, Xuan Zang (602-664 M), yang mengembara dengan berjalan ke tempat yang disebut India hari ini, yang merupakan tempat lahir Buddhisme, untuk mencari sutra. Dalam novel tersebut, Raja Monyet bersama-sama dengan Si Khinzir dan Si Pasir telah diaturkan oleh Buddha untuk menjadi pengikut kepada Xuan Zang dan mengiringinya untuk ke Barat untuk mendapatkan sutra. Mereka merentasi 81 bahaya dan bencana sebelum pada akhirnya sampai ke Barat dan mencapai Hasil Benar.

[14] “Hung Lou Meng”, Impian Rumah Agam Merah (*A Dream of Red Mansions*), karya penulisan Cao Xueqin (atau Tsao Hsueh-Chin, 1715?-1763?) dalam Dinasti Qing. Novel ini menceritakan kisah cinta tragik yang berlatarbelakangkan kejatuhan suatu keluarga bangsawan. Dengan ini dijadikan sebagai tema utama, novel ini cuba mengungkapkan panorama sejarah sosial yang luas dan bergerak. Novel juga membariskan barisan watak utama yang mempesona dan tidak dapat dilupakan, Jia Baoyu dan Lin Daiyu. Strukturnya yang luas dan teliti bersama dengan merit kesusasteraan dalam bentuk penggunaan bahasa yang indah menjadikannya dikenal sebagai contoh yang unggul dalam kesenian dalam novel klasik China.

[15] “Shui Hu Zhuan”, Wira-wira Pinggir Air (*Heroes of Water Margins*), salah satu daripada novel klasik agung China, ditulis pada abad ke-14 oleh Shi Nai’an. Seratus dan lapan orang lelaki dan wanita bergabung sebagai satu kumpulan untuk menjadi penjahat dalam rawang paya. Komplot jahat, cabaran, pembunuhan, peperangan, dan kisah romantik diberitahu dalam corak berterusan tradisional.

[16] “San Guo Zhi”, Kisah Tiga Negara (*Three Kingdom*), salah satu daripada novel klasik China yang termasyhur yang ditulis oleh Luo Guanzhong (1330?-1400?) berdasarkan sejarah tempoh Tiga Negara (220-280 M). Kisah ini mengungkapkan pertarungan yang rumit dan sengit untuk merebut takhta dalam tiga kuasa politik: Liu Bei, Cao Cao dan Sun Quan; dan juga menfokuskan kepada kepelbagaian bakat ulung dan strategi berani dalam tempoh masa tersebut.

[17] Roman Kesateriaan Zhou Timur, suatu novel yang asalnya ditulis oleh Yu Shaoyu dalam Dinasti Ming, disemak dan ditulis semula oleh Feng Menglong pada akhir Dinasti Ming, dan sekali lagi disemak oleh Cai Yuanfang dalam Dinasti Qing. Novel ini mengandungi sejarah melebihi 500 tahun semasa tempoh Musim Bunga dan Luruh (770-476 SM) dan Perang Negara-negara 475-221 SM).

[18] Kisah Yue Fei, ditulis oleh Qian Cai dalam Dinasti Qing. Kisah ini menyatakan kehidupan Yue Fei (1103-1142) daripada Dinasti Song Selatan, salah seorang jeneral dan wira patriotik yang termasyhur dalam sejarah China. Jeneral Yue Fei mendapatkan namanya dalam pertempuran dengan penceroboh daripada utara negara Jin. Dia dituduh bersalah atas fitnahan, lalu dihantar ke penjara dan dihukum mati, yang merupakan niat Perdana Menteri Qin Hui yang cuba untuk menyingkirkannya. Nama Yue Fei selepas itu dibersihkan daripada tuduhan yang tidak berasas itu dan sebuah kuil dibina untuk memperingatinya. Empat watak besi dibuat di hadapan kuburnya, dengan bahagian dada watak tersebut terdedah, tangan diikat di belakang dan melutut di hadapannya,

mewakili mereka yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan Yue Fei. Yue Fei telah menjadi model kesetiaan kepada negara dalam kebudayaan China.

[19] Petikan ini berasal daripada Intisari Koleksi Kitab Taoisme (Dao Cang Ji Yao) yang disusun dalam masa Dinasti Qing.

[20] Daripada Analek.

[21] Daripada ceramah Mao dalam sesi kelapan dalam mesyuarat agung PKC yang kesepuluh.

[22] Kata-kata asal Mao dalam perkataan Cina: Saya adalah seperti seorang sami yang memegang payung- tiada Tao (atau, permainan kata dua maksud “rambut”) dan tiada syurga (atau, “langit”).

[23] Jie ialah nama pemerintah terakhir kepada Dinasti Xia (kurun ke-21 hingga ke-16 SM), dan Zhou ialah nama pemerintah terakhir bagi Dinasti Shang (kurun ke-16 hingga ke-11 SM). Kedua-duanya adalah dikenal sebagai penzalim.

[24] Wen Tian Xiang (1236-1283 SM), seorang komander militari yang menentang tentera Mongolia untuk melindungi kedaulatan negara Dinasti Song Selatan, Dia dibunuh pada 9 Januari 1283 apabila menolak untuk menyerah kepada Mongolia selepas dipenjarakan.

[25] Daripada Mencius.

[26] Daripada ungkapan yang ternama oleh Mencius, “Nyawa, keinginan saya; keadilan, keinginan saya juga. Apabila saya tidak boleh memiliki kedua-duanya pada masa yang sama, maka saya akan mempertahankan keadilan dengan pengorbanan seluruh nyawa saya.”

[27] Daripada Lagu Buruh Komunis Antarabangsa. Penterjemahan secara harfiah dalam Cina bermaksud, “Tiadanya penyelamat dunia, dan kita tidak bergantung kepada Tuhan pun; untuk mencapai kebahagiaan manusia, kita bergantung sepenuhnya kepada kita sendiri.”

[28] Maharaja Taiwu dalam Dinasti Wei Utara, nama lain Tuo Tao (waktu pemerintahan 424-452 M).

[29] Maharaja Wuzong dalam Dinasti Tang, nama lain Li Yan (waktu pemerintahan 840-846 M).

[30] Maharaja Wu dalam Dinasti Zhou Utara, nama lain Yu Yong (waktu pemerintahan 561-579 M).

[31] Maharaja Shizong dalam Dinasti Zhou Kemudian, nama lain Chairong (waktu pemerintahan 954-959 M).

[32] Slogan yang digunakan pada pertengahan 1960-an semasa Revolusi Kebudayaan di China.

[33] Kuil Kuda Putih, biara bagi penganut Buddha yang pertama di China, dibina pada 68 Masehi, tahun ke-11 pemerintahan Yong Ping dalam Dinasti Han Timur (25-220 M).

[34] Dalam bahasa Dai, Kitab Beiyue diejakan sebagai Tanlan. Beiyue ialah sejenis tumbuhan subtropikal yang tergolong dalam keluarga palma. Tumbuhan ini adalah merupakan jenis pokok yang tinggi dengan daun tebal, yang juga tahan rama-rama dan lambat untuk menjadi kering. Dalam masa kuno sewaktu kertas belum lagi dicipta, leluhur Dai meninggalkan tulisan dan artikel di atas dedaun Beiyue. Tulisan yang diukir di atas dedaun tersebut dipanggil suratan Beiyue, dan kitabnya dipanggil Tanlan atau Kitab Beiyue.



[35] Taman Xiangshan, juga dipanggil Taman Bukit Wangi, terletak 28 km, barat laut daripada pusat bandar Beijing. Pada mulanya dibina pada 1186 dalam Dinasti Jin, taman ini menjadi tempat peranginan bagi keluarga imperial semasa Dinasti Yuan, Ming dan Qing.

[36] Daripada Berapa Banyak Peninggalan Kebudayaan Dibakar oleh Ding Shu.

[37] Pengawal Merah merujuk kepada orang awam yang menjadi pelaksana barisan depan dalam Revolusi Kebudayaan. Kebanyakannya ialah pemuda-pemudi yang dalam masa remaja mereka.

[38] Istana Musim Panas, terletak 15km dari Beijing, merupakan taman diraja yang terbesar dan pemuliharaan terbaik di China, dengan sejarahnya melebihi 800 tahun.

[39] Kuil Louguan ialah tokong Tao yang terkenal di China, amat dihormati sebagai “tanah pertama yang mendapat rahmat di bawah langit”. Kuil ini terletak di lereng bukit, selatan Gunung Zhongnan, 15 km arah tenggara daerah Zhouzhi dan 70 km dari bandar Xi’an.

[40] li ialah unit Cina dalam ukuran panjang. 1 li bersamaan dengan 0.5 km atau 0.3 batu.

[41] Maharaja Gaozu, nama lain Li Yuan, maharaja pertama dalam Dinasti Tang (waktu pemerintahan 618-626 M).

[42] Komun rakyat (Renmin Gongshe), dahulunya merupakan peringkat tertinggi dalam tiga peringkat pentadbiran di kawasan pedesaan dalam tempoh 1958 hingga sekitar 1982 dalam Republik Rakyat China. Komun ini mempunyai fungsi-fungsi pemerintahan, politik dan ekonomi, dan merupakan unit kolektif terbesar yang kemudiannya dibahagikan kepada briged pengeluaran dan pasukan pengeluaran.

[43] Lihat [36]

[44] Sutra Mahayana Mahaparinirvana dikatakan sebagai sutra Mahayana Buddha yang terakhir, disampaikan Buddha pada waktu akhir dalam kehidupan di bumi ini. Sutra ini dikatakan terdiri daripada intipati kesemua sutra Mahayana yang lain.

[45] Daripada Taisho Tripitaka jilid T01, No.7, Sutra Mahayana Mahaparinirvana.

[46] Daripada Teori dan Praktis PKC dalam Penindasan Agama oleh Bai Zhi. [www.dajiyuan.com/gb/3/4/15/n300731.htm](http://www.dajiyuan.com/gb/3/4/15/n300731.htm) (dalam mandarin).

[47] Mukti bermaksud Genggaman Dharma atau hukum pengajaran dan penghantaran. Mukti boleh juga diterjemahkan sebagai “pelepasan, pembebasan, emansipasi, penyelamatan; melarikan diri daripada ikatan dan memperoleh kebebasan yang sebenar, bebas daripada perpindahan roh, bebas daripada karma, bebas daripada ilusi dan penderitaan”; ini melambangkan Nirvana dan juga pembebasan yang dicapai dalam Dhyana (meditasi). Ini adalah bagi pembebasan daripada Samsara (kelahiran semula).

[48] Nirvana, dalam Buddhisme dan Hinduisme, merupakan keadaan keamanan dan kebahagiaan melampaui segala penderitaan bagi kewujudan individu; satu keadaan yang menjadi sebatian dengan jiwa yang kekal.

[49] Penindasan dalam kempen reaksionis terhadap bekas ahli persatuan rahsia, pertubuhan kepercayaan dan Kuomintang (KMT) pada awal 1951.

[50] “Perang untuk menentang pencerobohan Amerika Syarikat dan Membantu Korea” seperti yang disebutkan oleh PKC, meletus pada 1950, biasanya dikenali sebagai “Perang Korea”.

[51] Wu Yaozong (1893-1975 M) dan lain telah menerbitkan yang kononnya “Cara-cara bagi Penganut Kristian Cina menaruhkan usaha dalam Pembinaan China Baru”, juga menyerukan “Manifesto Inovasi bagi Tiga Mandiri” pada 1950 dan membentuk “Gereja Tiga Mandiri” selepas itu.

[52] Dewan Besar Rakyat, dibina pada 1959, terletak di sebelah barat Lapangan Tiananmen, dan merupakan tempat bermesyuarat bagi Kongres Rakyat Nasional di China.

[53] Lihat [46]

[54] Jubah Kesa, jubah untuk sami, atau disebut kasok.

[55] Zhang Bojun (1895-1969M) adalah merupakan salah seorang daripada pengasas bagi “Liga Demokratik China”, satu parti demokratik di China. Dia diklasifikasikan sebagai “sayap kanan nombor satu” pada 1957 oleh Mao Zedong, dan merupakan salah satu daripada beberapa “sayap kanan” yang belum lagi mendapat pemulihan reputasi selepas Revolusi Kebudayaan.

[56] Maharaja Huizong dalam Dinasti Song, nama lain Zhao Ji (waktu pemerintahannya 1100-1126 M).

[57] Su Dongpo (1036-1101M), seorang penyajak dan penulis Cina yang termasyhur dalam Dinasti Song. Salah seorang daripada “Lapan Sarjana Prosa Agung dalam Dinasti Tang dan Dinasti Song”.

[58] Wen Zhengming (1470-1559 M), pelukis Cina dalam Dinasti Ming.

[59] Tang Bohu (1470-1523), sarjana, pelukis dan penyajak terkenal dalam Dinasti Ming.

[60] Jin ialah unit jisim yang digunakan di China. Satu jin bersamaan dengan 0.5 kg, atau 1.1 lb.

[61] Lihat [36]

[62] Daripada sajak Meng Haoran (689-740 M), penyajak terkenal dalam Dinasti Tang.

[63] Prolog Astaka Orkid (Lan Ting), dikatakan ditulis oleh Wang Xi Zhi dalam masa puncak kerjayanya dalam bidang kaligrafi (umur 51 tahun, 353 M), dikenal umum sebagai bahagian yang paling penting dalam sejarah kaligrafi Cina.

[64] Wang Xi Zhi (321-379 M), ahli kaligrafi yang ternama dalam sejarah, daripada Dinasti Tang.

[65] Wu Cheng'en (1506/-1582? M), karyawan bagi novel dan penyajak dalam Dinasti Ming, penulis bagi Perjalanan ke Barat, yang merupakan salah satu daripada novel klasik China yang utama.

[66] Wu Jingzi (1701-1754 M), seorang penulis yang anggun dalam Dinasti Qing, juga penulis bagi karya Sarjana (Rulin Waishi, atau dikenali sebagai Sejarah Tidak Rasmi bagi Sarjana).

[67] Prosa yang ditulis oleh Ouyang Xiu (1007-1072M), salah seorang daripada “Lapan Sarjana Prosa Agung dalam Dinasti Tang dan Dinasti Song”. Ouyang Xiu memanggil dirinya sebagai “pemabuk tua”.

[68] Nama alternatif bagi Pengawal Merah.

[69] Kerja Pembukuan Ensiklopedia Yongle (Yongle Dadian) telah dijalankan oleh Maharaja Yongle dalam Dinasti Ming pada 1403. Ensiklopedia ini dianggap sebagai ensiklopedia yang terawal dan teragung di dunia. Dua ribu sarjana berkerja dalam projek ini, menggabungkan 8000 teks dari masa kuno sehingga awal Dinasti Ming. Ensiklopedia Yongle disempurnakan pada 1408, mengandungi lebih daripada 22,000 jilid manuskrip dan memenuhi 40 meter kubik (1400 kaki kubik).

[70] Lin Biao (1907-1971), salah satu daripada pemimpin senior PKC, berkhidmat di bawah Mao Zedong sebagai ahli dalam Politbiro China, sebagai Timbalan Pengerusi (1958) dan Menteri Pertahanan (1959). Lin dianggap sebagai dalang arkitek Revolusi Kebudayaan. Lin dinamakan sebagai pengganti Mao pada 1966, tetapi tidak mendapat sokongan ramai menjelang 1970. Merasakan kejatuhannya, Lin dituduh terlibat dalam suatu komplot rampasan kuasa, dan cuba melarikan diri ke USSR ketika terbongkar rancangannya. Ketika dalam pelarian, pesawatnya terhempas di Mongolia, yang menyebabkan kematiannya.

[71] “Liang Xiao” mewakili sekumpulan penulis yang ditugaskan berkhidmat untuk PKC, antaranya Zhou Yiliang yang terlibat dalam kumpulan penulisan tersebut, mendapat surat layang daripada kawan lamanya yang mengatakannya “amat sangat tidak tahu malu”.

[72] Maharaja Qin Shi Huang (259-210 SM), nama lain Ying Zheng, merupakan maharaja pertama dalam sejarah penyatuan China. Dia menyatukan standard kanun, bahasa penulisan, mata wang, unit jisim dan unit pengukuran lain, dan mengarahkan pembinaan Tembok Besar. Langkah-langkah tersebut telah memberi kesan yang mendalam terhadap sejarah dan kebudayaan China. Dia juga mengarahkan buku-buku pelbagai aliran supaya dibakar termasuklah Confucianisme dan Taoisme, dan pernah sekali mengarahkan 460 sarjana Confucius ditanam hidup-hidup. Perkara ini kemudiannya dipanggil “pembakaran buku dan penanaman hidup-hidup sarjana Confucius” dalam sejarah. Dia membina sebuah makam raksasa untuk dirinya, dan Tentera Tanah dalam Makam Maharaja Qin dikenali Lapan Keajaiban di Dunia.

[73] Daripada Penulisan Mao Zedong 1949-1976 (jilid 2).

[74] Daripada “Merektifikasikan dan Memperbaiki Cara Kerja Parti” oleh Mao (1942).

[75] Daripada “Bercakap di Forum Yan’an dalam Kesusasteraan dan Kesenian” oleh Mao (1942).

[76] Wu Xun (1838-1896 M), nama asal Wu Qi, dilahirkan di Tangyi, Shandong. Kehilangan ayahnya pada usia muda, keluarganya terjatuh dalam kemiskinan. Dia terpaksa untuk mengemis untuk makanan untuk menyaraai ibunya, dan dikenali sebagai pengemis yang taat. Selepas ibunya meninggal, mengemis menjadi satu-satunya cara untuk meneruskan hidupnya. Dia kemudiannya membuka satu sekolah dengan wang yang dikumpulnya daripada mengemis.

[77] Hu Feng (1902-1985), sarjana dan pengkritik sastera, menentang polisi kesusasteraan PKC yang taasub. Dia disingkirkan daripada parti pada 1955 dan dijatuhkan hukuman penjara 14 tahun.

[78] Daripada Karya Pilihan daripada Mao Zedong (Jilid 5), “Benda Mulai Berubah” (1957).

[79] Qian Bocheng, Kebudayaan Oriental, edisi keempat (2000).

[80] Gerakan Pelajar 4 Jun dimulakan oleh pelajar-pelajar kolej yang menyokong reformasi demokratik China antara 15 April hingga 4 Jun 1989. Gerakan ini kemudiannya ditumpaskan oleh Tentera Pembebasan Rakyat, dan kejadian ini dipanggil oleh masyarakat antarabangsa sebagai Pembunuhan Beramai-ramai 4 Jun.

[81] Suatu agensi yang dibentuk khususnya untuk menindas Falun Gong, dengan memiliki kuasa mutlak di setiap peringkat pentadbiran dalam parti dan sistem politik dan kehakiman yang lain.

[82] Teori “asal kelas” (atau keturunan atau salasilah) menuntut bahawa sifat seseorang telah diputuskan oleh kelas bagi keluarga seseorang yang dilahirkan.

[83] Daripada lagu opera moden “Legenda Lantera Merah”, satu “drama model” rasmi yang popular yang dibangunkan semasa Revolusi Kebudayaan (1966-1976).

[84] Mu ialah unit luas kawasan yang digunakan di China. Satu mu bersamaan dengan 0.165 hektar.

[85] “Tiga Wakil” pada awalnya disebutkan dalam ceramah Jiang Zemin pada bulan Februari 2000. Menurut doktrin ini parti harus selalu mewakili; arah perkembangan daya pengeluaran China yang maju, orientasi kebudayaan China yang maju, dan kepentingan asas majoriti rakyat China.

[86] Ucapan pembukaan dalam sesi pertama dalam Kongres Rakyat Nasional Pertama dalam Republik Rakyat China (15 September 1954).

[87] “Sindrom mata merah”, menyerupai “green-eyed” dalam ungkapan Barat, digunakan di sini untuk memperihalkan seseorang, yang apabila melihat orang lain membuat lebih baik daripadanya, maka iri hati dan cemburu, berasa tidak puas hati dan tidak selesa, dan merasakan dialah sepatutnya yang lebih baik.

[88] Satu “drama model” rasmi yang popular yang dibangunkan semasa Revolusi Kebudayaan (1966-1976). Dalam cerita legenda di kalangan rakyat China, Gadis Berambut Putih ialah cerita seorang gadis yang hidup abadi di dalam gua dan mempunyai kuasa sakti untuk memberikan ganjaran atas perlakuan baik seseorang dan mendenda bagi kejahatan, menyokong kemuliaan dan menyekat kejahatan. Namun, dalam drama, opera dan balet “moden” China, gadis tersebut digambarkan sebagai watak yang dipaksa melarikan diri daripada gua selepas ayahnya dipukul sehingga mati kerana tidak mengizinkan tuan tanah untuk berkahwin dengan anaknya. Gadis tersebut telah menjadi berambut putih akibat kekurangan nutrisi. Cerita ini telah menjadi satu daripada drama “moden” China yang terkenal untuk menghasut kebencian kepada kelas tuan tanah.

[89] Perang Terowong (Didao Zhan), satu filem hitam dan putih 1965 yang PKC menuntut bahawa pasukan gerilanya di China Sentral melawan penceroboh Jepun melalui pelbagai terowong bawah tanah pada 1940-an.

[90] Perang Periuk Api (Dilei Zhan), satu filem hitam dan putih 1962 yang PKC menuntut bahawa pasukan gerilanya di daerah Hebei melawan dengan pencerobah Jepun dengan periuk api yang dibuat sendirinya pada 1940-an.

[91] Suatu komposisi sastera yang ditentukan dalam peperiksaan perkhidmatan awam imperial, dikenali dengan bentuknya yang kaku dan ketandusan ideanya.

[92] Kebuluran Besar pada 1959-1961 di China adalah merupakan kejadian kebuluran terbesar dalam sejarah manusia. Anggaran jumlah “kematian yang tidak normal” dalam kebuluran tersebut berjumlah daripada 18 hingga 43 juta.

[93] Lihat [7].

[94] Oleh Mao Zedong (1942).

[95] Gerakan 4 Mei merupakan gerakan raksasa yang pertama dalam sejarah Cina moden, bermula dari 4 Mei 1919.

[96] Chen Guili, *Amaran Sungai Huaihe* (1995).

[97] Daripada “Prolog kepada See Li Yuan untuk Kembali kepada Pangu” oleh Han Yu (768-824 M), salah seorang daripada “Lapan Sarjana Prosa Agung dalam Dinasti Tang dan Dinasti Song”.

[98] Tao Yuanming (365-427 M), juga dikenali sebagai Tao Qian, seorang penyajak agung dalam Kesusasteraan Cina.